

Kreatif Menjana Informasi

Inspirasi



BIL. 01 Jan-Jun 2015 ISSN 2462-1161



Canselor

Lancar Karnival Penyelidikan UPSI 2015

**PECIPTA
2015**

Tampil Inovasi
Sembilan Kluster

5

**UPSI-
INSTUN**

Kukuhkan
Kerjasama

23

**UPSI
SUMBANG**

28 Rumah Kepada
Mangsa Banjir

53



Dari Meja Ketua Pengarang

JANA IMEJ UNIVERSITI TANGGUNGJAWAB BKK

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh

Syukur ke hadrat Illahi, buletin INSPIRASI UPSI Bil. 1 / Jan-Jun 2015 kembali bersua seluruh warga UPSI. Sepanjang bulan Januari hingga Jun 2015, pelbagai program kecil dan besar serta yang berimpak tinggi berjaya dilaksanakan. Setiap program yang Berjaya dilaksanakan mencetuskan gelombang kreativiti dan semangat yang tidak sedikit.

Penerbitan INSPIRASI UPSI salah satu usaha BKK untuk mendokumentasikan aktiviti atau program universiti dan ia boleh dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan serta hebahan oleh warga UPSI khasnya dan masyarakat luar amnya. Dengan adanya pelbagai aktiviti yang berimpak tinggi, imej universiti semakin meningkat di mata masyarakat, dalam masa yang sama usaha memasyarakatkan universiti selaras dengan hasrat kerajaan dan kementerian dapat direalisasikan.

Kita sering mengharapkan agar setiap program yang dianjurkan memberi kesan tersendiri termasuk penjana imej universiti di mata masyarakat.

Imej adalah sesuatu yang subjektif sifatnya sepertimana kita melihat keterampilan diri seseorang. Masyarakat sentiasa ingin melihat apa yang universiti dapat berikan untuk mereka khususnya masyarakat di persekitaran universiti.

Penubuhan UPSI tentunya memberi impak kepada masyarakat setempat. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab BKK memastikan nama universiti yang bersejarah ini sentiasa dipandang tinggi dan kewujudannya dirasai. Namun, kita tidak boleh berpuas hati imej yang ada sekarang. Peranan Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) untuk mengubah persepsi pelbagai pihak terhadap universiti akan tetap diteruskan. Universiti ini adalah segalanya sebagai tempat kita menabur budi dan berbakti. Semoga INSPIRASI UPSI menjadi bahan dokumentasi yang bukan sahaja untuk tatapan, malahan untuk rujukan warga UPSI hari ini dan akan datang.

Dr. Hjh. Zainab binti Othman
Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat



Kakitangan
BKK semasa
Majlis Amanat Naib
Canselor 2015

Sidang Editorial

Penaung, Profesor Dato' Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselor |

Penasihat, En. Mohd Faizi Othman, Pendaftar | Ketua Editor, Dr. Hajah Zainab Othman | Editor, Ghazali Din, Mohd Husyaini Hashim | Wartawan, Sajarutul Nor Kasim |

Reka Letak & Grafik, Mohd Akmanizam Abd Latiff

| Jurufoto, Fisol Ahmad, Shahidah Abu Hassan, Nurul Hasniza Mohd Rashid |

Edaran, Unit Pentadbiran dan Kewangan

INSPIRASI UPSI diterbitkan dua kali setahun oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Kami mengalu-alukan sumbangan seperti berita dan rencana untuk dimuatkan dalam INSPIRASI UPSI dan boleh dikirimkan secara e-mel kepada sajarutul@upsi.edu.my atau ccd@upsi.edu.my.

KANDUNGAN

Canselor Lancar Karnival Penyelidikan UPSI 2015 **4**, PENCIPTA 2015 Tampil Inovasi Sembilan Kluster **5**, Naib Canselor Mahu PTB Lebih Proakrif **6**, 11 Terima Anugerah Kecemerlangan Staf 2014 **7**, Muhammad Sharulnizam Johan Pidato Integriti **8**, BHEA Bertemu Pelanggan **9**, Pesta Buku BBIM UPSI Meriah **10**, UPSI Holdings Sumbang Zakat **11**, STEM Challenge 2015 Tarik Minat Pelajar **12**, PSFC 2015 Sedia Kerjaya Kerjaya **13**, Rentak Bitara 2015 Serlah Bakat **14**, Seminar Sains Solat Dedah Kelebihan **15**, Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah Dilantik TNC (AA) **16**, Majlis Pendengaran Awam Jelaskan PPPM-PT **17**, Pesilat Beraksi di UPSI **18**, SIRIM Edar 200 Topi Kelendar **20**, Namibia Contohi Malaysia Bangunkan Pendidikan **21**, UPSI Tubuh IND-E-ZONE **22**, UPSI-INSTUN Kukuhkan Kerjasama **23**, AKP 2014 Iktiraf Pelajar Aktif **24**, Delegasi Namibia Kunjung UPSI **25**, Bakat Pelajar Terserlah dalam Teater Siti di Alam Fantasi **25**, Cabaran Powerman UPSI **26**, MB Perak Dekati Mahasiswa Baharu **27**, Istiadat Konvokesyen ke-17 Sidang Pertama **28**, MPN Anjur Jejak Warisan **30**, Hari Terbuka Bendahari Dapat Sambutan **31**, Pusat Islam Giat Aktiviti Keagamaan **32**, 153 Pembentang Sertai Persidangan ICHCUPS I 2015 **33**, Amanat Demi Memperkasakan UPSI **34**, Karnival Bahasa dan Budaya Erat Hubungan Pelajar **35**, Bertemu Selepas 30 Tahun **36**, Wawa Abadikan Diri Demi Kesukarelawan **38**, Jalinan Kerjasama UPSI-Perangkaan Kongsi Data **39**, Festival Citra Budaya 2015 Pupuk Jati Diri Pelajar **40**, Dato' Mah Siew Keong Tinjau UPSI **42**, Pau Sedili UPSI Dapat Sambutan **43**, Guru Sempurnakan Akhlak Pelajar **44**, Pelajar Antarabangsa Teruja Pelajari Budaya Melayu **45**, Aktiviti Kebudayaan Harumkan UPSI **46**, Perutusan dari Penjara Dedah Sisi Gelap Penagihan Dadah **47**, UPSI Lokasi Penggambaran Filem Terbaharu Mamat Khalid **48**, UPSI Naib Johan Pertandingan Festival Sajjan 2015 **49** BKK Lawat Astro Awani **50**, UPSI Cemerlang di ITEX 2015 **51**, Muzik Jiwa Mayya Muasaeva **52**, UPSI Sumbang Rumah Kepada Mangsa Banjir **53**, EXPOSE Terima Anugerah Emas **54**, Sesi Persekolahan Sekolah Makmal Bermula **55**, Alumni Sampaikan Infak Ramadan **56**, Ir. Damanhuri Bersara Selepas 16 Tahun Berkhidmat **57**, IPS Aktif Anjur Bengkel **58**, Karnival Kokurikulum 2015 Tonjol Kreativiti Pelajar **59**, Terbitan Baharu **60**, Iklan PENCIPTA **61**

Canselor Lancar Karnival Penyelidikan UPSI 2015

Tanjong Malim-Canselor UPSI, DYMM Tuanku Zara Salim berkenan menyempurnakan perasmian Karnival Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2015 yang berlangsung pada 4 Mac 2015 lalu di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Karnival berkenaan menjadi pemangkin dalam menyemarakkan budaya penyelidikan di universiti pendidikan ulung negara itu bertujuan untuk mempamerkan kejayaan-kejayaan UPSI dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan yang memberi impak kepada masyarakat dan negara.

Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata dari aspek pengkomersialan, sebanyak 20 produk penyelidikan berjaya dikomersialkan dengan janaan pendapatan lebih RM9 juta yang berdaftar

dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dan UPSI Holdings.

Tuanku Zara berkenan melancarkan 11 judul buku hasil penyelidikan yang diterbitkan Pejabat Karang-Mengarang (Penerbit UPSI).

Baginda turut melawat 30 ruang pameran produk penyelidikan membabitkan kluster akademik dan industri; penyelidikan berimpak tinggi dan **solution provider**.

Hadir sama pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Tan Sri Datuk Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Noraini Idris serta Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) yang baharu, Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah.



Tuanku Zara memalu gong melancarkan Karnival Penyelidikan UPSI 2005.

PECIPTA 2015 Tampil Inovasi Sembilan Kluster

14th International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2015) yang akan berlangsung pada 4 hingga 6 Disember 2015, diadakan majlis Pra Pelancaran di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 18 Jun 2015.

Majlis pra pelancaran itu disempurnakan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh. PECIPTA 2015 adalah acara dwitahunan yang diperkenalkan sejak 2001 dan kali ini adalah kali ke-8 yang mendapat sambutan pemain industri.

PECIPTA 2015 bertemakan 'Inovating Today For Tomorrow' anjuran bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia itu membawa kelainan kerana menampilkan sembilan kluster iaitu pendidikan dan pembangunan manusia, seni reka bentuk dan kreativiti, keusahawanan dan pengurusan industri; agrikultur; akuakultur dan persekitaran; bioteknologi dan sains hayat; kesihatan dan kesejahteraan; teknologi komunikasi maklumat dan multimedia; teknologi pembuatan serta pengurusan bencana.

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan II, Yang Berhormat P. Kamalanathan; Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Prof. Dr. Raha Abdul Rahim; Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris.



Naib Canselor Mahu PTB Lebih Proaktif

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, menyeru Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) memainkan peranan yang penting dalam memacu budaya membaca dalam kalangan warga UPSI dan masyarakat Tanjong Malim khususnya pelajar-pelajar sekolah.

Justeru, beliau mahu PTB lebih proaktif dalam meningkatkan jumlah pengguna ke perpustakaan dengan menambah baik kemudahan dan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada untuk memenuhi kehendak pengguna.

"Selain itu, teknik-teknik pencarian maklumat perlu dipermudahkan, jelas dan sistematik supaya semua maklumat yang diperlukan cepat sampai kepada pengguna terutamanya buku dan jurnal elektronik," katanya ketika berucap di Hari Terbuka Perpustakaan

Tuanku Bainun Kali Ke-3, 2015 yang diadakan pada 28 Mac 2015 bertempat di Aras 1, Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob berkata, sebanyak 15 acara akan diadakan sebagai pengisian sepanjang hari terbuka itu. Antaranya, program ceramah motivasi bersama Dai' Izzhar (melibatkan lebih 100 orang pelajar sekolah sekitar daerah Tanjong Malim), diskusi filem bersama Usop Wilcha, program buku kegemaran saya bersama pengarah filem Malaysia, En. Mamat Khalid, "Knowledge Fun Corner" (berkonsep game show), pameran misi bantuan banjir UPSI (memaparkan usaha UPSI dalam membantu mangsa banjir pada hujung tahun 2014 dan awal tahun 2015), serta jualan buku (menerima penebusan Baucer Buku Malaysia).

Buat julung kalinya PTB turut menyediakan kaunter khusus untuk perundingan maklumat dan membimbing pengguna dalam mencari bahan perpustakaan di PTB dan di perpustakaan yang lain. Selain itu, PTB menyediakan kaunter perkhidmatan Hari Bersama Pelanggan dan pendaftaran untuk keahlian luar serta mengadakan Hari Pengurangan Denda selama dua hari iaitu pada 27 hingga 28 Mac 2015 dengan kadar diskaun 30%.

Tambah beliau, perpustakaan komited membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat dan bahan dalam penyediaan tesis dan projek penyelidikan. Kakitangan perpustakaan sentiasa bersedia membimbing pengguna dalam mencari maklumat yang tepat dan sahih.



11 Anugerah Kecemerlangan Staf 2014

UPSI-Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, meminta Jawatankuasa memandang serius bagi kategori yang tiada penerima bagi Anugerah Kecemerlangan Staf 2014 iaitu Anugerah Tokoh Bitara dan Anugerah Tokoh Akademik.

Menurut beliau, daripada 13 anugerah yang dipertandingkan pada tahun lalu hanya, 11 penerima sahaja yang diperakukan bagi 11 anugerah.

"Pihak universiti perlu memandang serius perkara tersebut kerana kedua-dua anugerah itu membuktikan sejauh mana kakitangan akademik UPSI menggungguli dalam bidang kepakaran mereka.

"Lebih-lebih lagi sebagai satu-satunya universiti pendidikan di Malaysia, UPSI seharusnya lebih kehadapan dalam menerajui kepimpinan pendidikan negara," katanya, ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2014 dan Anugerah Kecemerlangan Staf (AKS) 2014, peringkat Universiti Pendidikan Sultan Idris yang diadakan pada 15 April 2015 di Dewan Besar, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Merujuk kepada 7 kategori dalam Anugerah Akademik Negara (AAN) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia, dan kesemua kategori tersebut, UPSI telah wujudkan Anugerah Kecemerlangan Staf (AKS) iaitu: Anugerah Tokoh Akademik (dalam AAN ditambah Negara), Anugerah Makalah Jurnal, Anugerah

Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, Anugerah Seni dan Kreativiti, Anugerah Pengajaran dan Anugerah Ahli Akademik Harapan.

"Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam ucapan tahun lalu, semua pensyarah yang memenangi anugerah bagi tujuh kategori tersebut, akan dicalonkan untuk Anugerah Akademik Negara,".

Kali terakhir UPSI menerima Anugerah Akademik Negara adalah pada tahun 2011/2012, yang diperolehi melalui dua orang pensyarah iaitu Prof. Madya Zulkifli Yusoff daripada Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif bagi kategori Seni dan Kreativiti, dan juga Dr. Lee Ai Choo daripada Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan bagi kategori Pengajaran.

Ujarnya, pencapaian itu menunjukkan, ahli-ahli akademik UPSI mempunyai kepakaran yang setanding dengan IPTA-IPTA lain, dan saya yakin kita boleh memenangi lagi beberapa kategori anugerah pada tahun ini dan seterusnya jika kita lebih berusaha bersungguh-sungguh.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd. Sahandri Gani Bin Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), ACP Kehormat Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar dan Pendaftar, En. Mohd Faizi Othman.



Muhamad Sharulnizam Johan Pidato Integriti

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Muhamad Sharulnizam Md Roni pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dinobatkan Johan Pertandingan Pidato Integriti Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2015 yang berlangsung di Auditorium Utama, Universiti Pendidikan Sultan Idris, (UPSI) Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) pada 15-18 Mei 2015.

Tempat kedua dimenangi oleh Fatin Daratul Ain Sari@Asri (Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) Keningau, Sabah,) dan tempat ketiga, Mohd Akmal Aizat Umar, (UIA).

Penganjuran edisi ke-6 tahun oleh Institut Integriti Malaysia dan UPSI dengan tema 'Merakytakan Agenda Integriti Nasional' disertai 55 mahasiswa dari Universiti Awam, institusi pengajian tinggi swasta dan Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia.

Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh berkata, dengan adanya pidato tersebut, pemahaman tentang integriti akan turut meningkat kerana secara umumnya integriti mempunyai nilai-nilai seperti jujur, amanah, telus, dan bersih rasuah dan hal tersebut sepatutnya menjadi amalan secara harian.

"Jika kita ingin melihat Negara kita menjadi sebuah Negara maju, kita bukan sahaja perlu maju dari segi ekonomi dan juga teknologi. Sebuah Negara maju juga perlu mempunyai rakyat yang beretika dan berintegriti, sebab itu integriti adalah mustahak untuk kita semua. Pada tahun 2004 kerajaan telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia untuk pelaksanaan.

"Antara asas integriti ataupun yang memberikan peranan yang penting dalam integriti seseorang insan itu iaitu sebagai seorang islam ayat pertama yang diturunkan ialah iqra, yang kedua penting ialah ar-Rahman dan ar-Rahim yang sentiasa kita lupa. Perkataan ini menggambarkan pemurah dan penyayang ataupun penuh dengan kasih sayang itu adalah perkara yang penting dalam agama kita."

"Dua perkataan ini bagi saya boleh memainkan peranan yang penting dalam asas dalam seseorang individu. Mereka yang berpegang teguh kepada dua perkataan ini tidak ego dan tidak pentingkan diri mereka, mereka zuhud dan tawaduk," katanya pada Majlis Penutupan Pertandingan Pidato Integriti Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2015.

Sementara itu, menurut Encik Nazri selaku wakil pengadil berkata, semua peserta telah

menunjukkan komitmen yang baik dan telah memberikan pidato yang mempunyai penyelidikan dan bermutu tinggi.

"Hasilnya tujuh orang telah layak ke peringkat akhir menunjukkan kuliti pidato yang boleh kita banggakan. Barisan hakim melihat dari segi isi, cara penyampaian dan bahasa dan di peringkat akhir ditambah dengan satu lagi bahagian untuk dipenuhi oleh pemedato iaitu pidato spontan yang soalnya diajukan oleh para hakim yang dipilih secara rawak."

"Dalam fasa pertama, kesemua pidato hampir seimbang dan boleh menyampaikan penghujahan dengan cukup baik cuma sesetengahnya tidak dapat menghubungkan hujah dengan tajuk yang diberikan. Dan dibahagian kedua inilah yang membezakan pemedato iaitu bahagian pidato spontan dan kita dapati ada pemedato yang benar-benar menghayati pidatonya dan ini menghasilkan pidato spontan yang lebih baik dan berkemungkinan besar akan menjadi juara," ulas beliau.

Hadir Sama, Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Datuk Dr. Mizan Hitam, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Tuan Sulaiman Wak, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, ACP (K) Dato' Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah.




Hari BHEA Bertemu Pelanggan

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

UPSI-Langkah Bahagian Hal Ehwal Akademik(BHEA) mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada 26 Februari merupakan satu pendekatan yang holistik untuk menawarkan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra, telus, dan cekap sekaligus memberi peluang kepada pelanggan utamanya iaitu pelajar-pelajar UPSI mendapat khidmat nasihat secara terus berkaitan pengurusan akademik sepanjang pengajian mereka.

Menurut Penolong Pendaftar BHEA, Puan Ruhana Eshak, program tersebut mensasarkan pelajar dan warga UPSI untuk mengetahui fungsi dan peranan BHEA secara keseluruhan.



Pendaftar BHEA,
Puan Ruhana Eshak

" Dengan adanya program sebegini, pelajar dan warga UPSI dapat memahami fungsi dan peranan BHEA secara jelas. Bahagian ini sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan dan melalui program ini ia sekaligus dapat

meningkatkan kualiti perhubungan awam di bahagian ini dan universiti khususnya sekaligus mengubah persepsi mereka terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh BHEA," katanya.

Tambah beliau, usaha BHEA mempergiatkan promosi penganjuran program tersebut melalui e-mel, portal, Facebook Akademik dan edaran risalah di kolej-kolej dan papan kenyataan di pejabat-pejabat berjaya menarik ramai pengunjung. Justeru itu, BHEA bercadang untuk mengadakan program ini sebanyak dua kali iaitu pada bulan Februari dan September bagi memberikan khidmat nasihat dan maklumat secara langsung kepada pelajar dan warga baharu dan sedia ada di UPSI sekaligus membantu BHEA memperbaiki kualiti perkhidmatan dan perhubungan awam.

BHEA kini mempunyai 43 kakitangan bagi menguruskan sembilan unit iaitu Unit Kemasukan, Unit Pendaftaran, Unit Peperiksaan, Unit Perancangan dan Pembangunan Akademik, Unit Sistem Maklumat dan Rekod, Unit Pengijazahan, Unit Senat, Unit Pentadbiran, Kewangan dan Kualiti, dan Unit Pendidikan Jarak Jauh.



Pesta Buku BB1M UPSI Meriah

Oleh: Maziah Zee Abdullah

UPSI-Pejabat Karang Mengarang (PKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan Pesta Buku UPSI Sempena Baucar Buku Malaysia pada 1- 4 April 2015 bertempat di Parkir Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB). Pesta buku ini diadakan untuk memudahkan para pelajar mendapatkan buku-buku baharu terbitan penerbitan IPTA seluruh Malaysia.

Selain jualan buku banyak aktiviti menarik diadakan antaranya Klinik Perundingan Penerbitan untuk bakal penulis, cabutan bertuah dan pengunjung turut dipersembahkan dengan persembahan daripada kumpulan muzik dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan.

Pesta Buku BBIM disertai 12 penerbit universiti antaranya Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Penerbit Universiti Malaya (UM), Penerbit UKM, dan Penerbit UPM. Menurut En. Ramli Mosmin, Pegawai Pemasaran, Pejabat Karang Mengarang, selepas pesta buku para pelajar UPSI juga boleh menebus baucer buku BBIM di Kedai Buku Penerbit UPSI terletak di Piazza Pameran, Perpustakaan Tuanku Bainun.



UPSI Holdings Sumbang Zakat



Prof. Dato' Dr. Zakaria (kiri) menerima replika cek daripada Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI Holdings Sdn. Bhd. Tan Sri Dato' Mohd Nor Ismail sambil disaksikan oleh pengarahnya, Dr. Hj. Abdul Raheem Mohamad Yusof.

Pusat Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan majlis Berbuka Puasa Perdana di Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City pada 9 Julai 2015.

Sebelum berlangsung majlis berbuka puasa yang dihadiri lebih 200 kakitangan dan pelajar UPSI, diadakan tazkirah Ramadhan yang disampaikan oleh Dr. Anhar Opir.

Pada majlis sama, UPSI Holdings Sdn. Bhd. menyampaikan sumbangan zakat perniagaan kepada UPSI yang diwakili Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berjumlah RM 142, 167.95. Selepas majlis berbuka puasa, tetamu menunaikan solat maghrib dan isyak berjemaah diikuti solat sunat tarawih.

Hadir sama Pro-Canselor, Tan Sri Dato' Seri Dr. Yahaya Ibrahim; Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Ahli LPU, Datuk Ahmad Burak; Pendaftar, Encik Mohd Faizi Othman serta pegawai-pegawai kanan universiti.



Dr. Anhar Opir menyampaikan tazkirah fadilat Ramadhan kepada hadirin.



Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Mohd Khairuddin Md. Sulhaimi mengimamkan solat fardu maghrib selepas majlis berbuka puasa.

CHALLENGE 2015

Tarik Minat Pelajar

Oleh: Ghazalli Din

Kerajaan memberi perhatian serius terhadap program Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) sebagai usaha memberi pendedahan serta memupuk minat kalangan pelajar mengikuti aliran sains sejak di peringkat sekolah lagi.

Sehubungan itu, universiti awam termasuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berusaha untuk mengadakan pelbagai program yang berkaitan dengan ilmu STEM bagi menyambut seruan pihak kerajaan. Pelajar-pelajar semester dua dan enam kursus Teknologi Kejuruteraan, program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknologi Reka Bentuk Berkomputer, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) menganjurkan program Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Challenge 2015 dengan kerjasama Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) UPSI. Ia disertai oleh 30 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Slim River.

Sebagai sebuah universiti pendidikan terulung negara yang komited dalam membawa perubahan dalam pendidikan, penganjuran program ini adalah dilihat sebagai satu langkah proaktif daripada pihak FSKIK dan FPTV, UPSI bagi memberikan pendedahan dan peluang kepada para pelajar yang mengikuti aliran sains di sekolah untuk mengaplikasikan ilmu STEM yang dipelajari di sekolah semasa melakukan aktiviti-aktiviti dalam program ini.

Ketua Jabatan Komputeran, Dr. Modi Lakulu berkata lebih banyak lagi program seumpamanya akan diadakan bersama pihak sekolah pada masa akan datang. Beliau

berkata walaupun program itu hanya sehari sahaja, namun berupaya meningkatkan kesedaran dan sikap positif dalam kalangan pelajar sekolah tentang STEM dan mata pelajaran yang berkaitan.

Aktiviti di luar kelas, katanya, membantu pelajar memahami dengan lebih mendalam tentang peranan dan sumbangan sains dan kejuruteraan dalam masyarakat serta memperjelaskan hubungan kait antara sains dan kejuruteraan dengan kehidupan harian kita.

"Hakikatnya, program STEM Challenge 2015 ini berjaya mencapai matlamatnya dengan menjadikan UPSI sebagai institusi yang sentiasa komited menyokong hasrat kerajaan dalam membawa perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Sementara itu pensyarah kanan di Jabatan Teknologi Kejuruteraan, FPTV, Dr. Mohamed Nor Azhari Azman berkata program itu menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dalam mencapai matlamat yang disasarkan.

Pensyarah kursus Teknologi Kejuruteraan, Dr. Suzani Mohamad Samuri menyifatkan program itu memberi impak yang positif kepada pelajar-pelajar sekolah dan pelajar yang mengikuti kursus Teknologi Kejuruteraan di UPSI itu sendiri.

"Program ini baik untuk seorang bakal pendidik kerana mereka perlu peka dengan perkembangan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia kini dengan menyampaikan ilmu-ilmu secara efektif kepada bakal pelajar-pelajar mereka walaupun dalam suasana yang tidak formal.

Penasihat program STEM Challenge 2015 dan Alumni Sekolah Kebangsaan Agama Slim River, Fadhil Harfiez Abdul Muttalib berharap agar lebih banyak lagi program-program seumpama ini dapat dijayakan bersama lebih banyak sekolah di negeri Perak ini bagi menyemarakkan lagi program STEM dengan UPSI bertindak sebagai penggerak utama.



Peserta Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Challenge 2015 gembira selepas selesai menyertai program.

PSFC 2015

Sedia peluang Kerjaya

“Sekiranya kamu memutuskan untuk menjadi katak di bawah tempurung, tempurung lah dunia katak itu. Maka, sebagai pelajar yang bertanggungjawab kita harus berani mengorak langkah, berani berbincang, dan berani bergaul kerana antara kelemahan graduan-graduan kita ialah mereka sangat pemalu,”

“Keberanian ini harus ditonjolkan dan saya nampak pelajar-pelajar di UPSI khususnya mempunyai keberanian itu,” kata Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan ketika merasmikan Program Sector Focused Career Fair 2015 (PSFC 2015).

Beliau turut menyarankan pelajar untuk melakukan persiapan untuk memastikan pengetahuan am

diselaraskan dengan keperluan semasa contohnya mengambil tahu tentang syarikat sebelum pergi ke temuduga syarikat tersebut.

PSFC 2015 merupakan anjuran Pusat Transformasi Pelajar Dan Komuniti, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) yang diadakan pada 11 Mei 2015 di Dewan SITC, UPSI Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Program yang mensasarkan pelajar tahun akhir, graduan dan kakitangan UPSI, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sekitar negeri Perak, agensi kerajaan dan swasta, pelajar Sekolah Menengah sekitar Perak ini diadakan bagi memberi peluang kepada pengunjung dalam membuka minda untuk menceburi profesion di luar bidang pendidikan.

Selain berkongsi maklumat tentang peluang kerjaya yang terbuka luas untuk diceburi, ‘walk in interview’ turut diadakan oleh hampir 40 agensi/organisasi dan majikan terpilih. Turut diadakan Ceramah Kerjaya oleh Encik Nik Izudin (Head of Strategy and Planning, Shared Services and Outsourcing Multimedia Development Corporation (MDeC) bertajuk ‘Global Business Services Careers With No Borders’ Bengkel Penulisan Resume, Bengkel Tips Hadapi Temuduga, **Mock Interview** dan **Booth** Jualan.



Rentak Bitara 2015

Serlah Bakat

Oleh Sajarutul Nor Kasim

UPSI—Peserta pertandingan Rentak Bitara 2015 memberi saingan sengit melalui persembahan memukau dan vokal yang bertenaga sehingga menyukarkan pihak juri membuat keputusan antara lapan peserta dari lapan buah universiti awam iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan UPSI.

Dalam pertandingan yang diadakan di Dewan SITC pada 23 Mei 2015 itu, menyaksikan kehebatan dan bakat luar biasa yang ada pada peserta menyebabkan pihak juri yang diadili oleh En. Eddie Ahmad (pemuzik bebas profesional), En. Ally Rahman@Wan Kelly Abd Rahman (pemuzik bebas profesional) dan En. Ismail Bari (Ketua Unit Muzik Yayasan Warisan Johor) turut berminat untuk mengetengahkan salah seorang peserta sebagai artis rakaman.

Konsep pertandingan Rentak Bitara pada tahun ini kekal sama seperti konsep pada tahun sebelumnya iaitu pemilihan lagu dalam bentuk medley yang menggabungkan dua lagu sahaja di mana setiap kumpulan dikehendaki membawakan mana-mana lagu yang berteraskan irama Pop & R&B sebagai lagu pertama dan Etnik Kreatif sebagai lagu kedua. Peserta juga dibenarkan membawakan salah satu lagu secara instrumental.

Program anjuran Pusat Kebudayaan, UPSI dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), Fakulti Muzik & Seni Persembahan dan Majlis Perwakilan Pelajar UPSI ini merupakan penganjuran kali ketiga bertujuan melahirkan insan seni yang berkebolehan bekerjasama dalam kumpulan membentuk persembahan dan karya yang berkualiti serta memberi peluang dan ruang kepada bakat-bakat muda di IPTA mempamerkan kebolehan menyanyi dan bermain alat muzik.

Pada tahun ini, buat pertama kalinya penganjuran Rentak Bitara MAKUM 2015 turut mendapat tajaan dari Acoustic & lighting Sdn. Bhd. dan dihiasi dengan lantai kaca sekaligus menaik taraf program anjuran UPSI seperti sebuah majlis anugerah.

Anugerah Vokal Terbaik, Emas dimenangi oleh UM, Perak oleh UPSI dan Gangsa oleh UKM. Anugerah Persembahan Terbaik, Emas dimenangi oleh UPSI, Perak oleh UKM dan Gangsa oleh UM. Johan keseluruhan dinobatkan kepada UKM, Naib Johan, UM dan tempat ketiga dimenangi oleh UPSI.



Johan - Universiti Kebangsaan Malaysia

Naib Johan - Universiti Malaya

Ketiga - Universiti Pendidikan Sultan Idris

Anugerah Vokal Terbaik

Emas - Universiti Malaya

Perak - Universiti Pendidikan Sultan Idris

Gangsa - Universiti Kebangsaan Malaysia

Anugerah Persembahan Terbaik

Emas - Universiti Pendidikan Sultan Idris

Perak - Universiti Kebangsaan Malaysia

Gangsa - Universiti Malaya



Seminar Sains Solat Dedah Kelebihan



Pusat Islam, UPSI menganjurkan Seminar Sains Solat Wanita Siri II pada 24 April 2015 bertempat di Dewan Konvensyen E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Seminar yang diadakan bertujuan memberikan kefahaman hubungan antara Sains dan Ibadah. ini disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Informatik Perubatan Dan Sistem Mikro-Elektro-Mekanikal (MIMEMS) Universiti Malaya, Prof Ir. Dr. Fatimah Ibrahim.

Beliau membongkar fakta-fakta saintifik di sebalik melakukan ibadah Solat melalui pembentangan dua tajuk ceramah iaitu Kesan Solat Dari Perspektif Sains Kepada Sistem Otot Dan Komposisi Badan dan Kesan Solat Dan Diet Seimbang Sebagai Terapi Menguruskan Badan.

Menurut Prof. Ir. Dr. Fatimah kelebihan-kelebihan dan faedah daripada mengerjakan solat ini memberikan manfaat yang baik kepada kesihatan seterusnya melahirkan wanita yang sihat, aktif, awet muda dan cemerlang dalam semua aspek termasuklah disiplin dalam perkara yang berkaitan dengan ibadah solat yang dituntut untuk dilakukan oleh Allah SWT.

Seminar yang disertai hampir 150 orang peserta wanita terdiri daripada kakitangan UPSI dan penduduk setempat ini berjaya mendedahkan kepada para peserta agar mencintai solat dan melakukannya dengan segera pada setiap waktu.

Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah Dilantik TNC (AA)

Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah, 59, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPSI baharu bermula 1 Februari 2015 menggantikan Profesor Dr. Omar Abdull Kareem yang tamat tempoh bagi jawatan berkenaan pada 14 November 2014.

Prof. Dr. Mohd Sahandri anak kelahiran Terengganu yang dibesarkan di Kelantan memiliki kelulusan Doktor Falsafah (Penyelidikan dan Penilaian Amalan Pendidikan) dan Sarjana Pendidikan (Penyeliaan dan Penilaian dalam Pendidikan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia).

"Insya-Allah, dengan pelantikan ini, saya akan menggunakan peraturan dan pendekatan yang sesuai untuk mencapai segala objektif dan matlamat menaikkan imej universiti," katanya. Berpengalaman luas dalam dunia akademik sebelum ini bertugas di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM) sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Pengarah Makmal Penyelidikan dan Pengarah, Pusat Transformasi Pelajar dan Komuniti (PTPK), UPSI.

Prof. Mohd Sahandri ialah Ahli Lembaga Pengarah The Clute Institute for Research Academic, Littleton, Colorado Amerika Syarikat dan menjadi ahli korporat Association for Educational Communication and Technology (AECT), Chicago, Amerika Syarikat manakala di peringkat nasional sebagai Timbalan Presiden Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.

Sepanjang kerjaya sebagai akademia, beliau aktif dalam persidangan, penerbitan jurnal, penulisan ilmiah, penyelidikan serta telah menulis pelbagai kertas kerja merangkumi bidang pendidikan.

Prof. Dr. Sahandri berharap dapat membuat anjakan paradigma dengan memberi fokus kepada aspek melahirkan graduan yang berdaya saing, pengantarabangsaan UPSI serta mengorientasikan nilai profesional akademik.

Beliau menganggap tugas diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang berat dan akan cuba mengadunikan pengetahuan, kemahiran, pengalaman sokongan jalinan sosial yang ada untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada universiti.

Prof. Sahandri berazam memanfaatkan sepenuhnya segala pengalaman yang dimiliki dalam bidang akademik, penyelidikan dan pentadbiran untuk membantu UPSI terus maju dan memberi penekanan kepada aspek pengantarabangsaan.

Dengan pelantikan itu juga Prof. Dr. Sahandri meneruskan kecemerlangan UPSI terutamanya dalam akademik serta meningkatkan kualiti tenaga akademik dan mahasiswa.



Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah.

Majlis Pendengaran Awam Jelaskan PPPM-PT

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Prof. Asma Ismail teruja apabila sesi pendengaran awam (townhall meeting) yang disampaikan di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah mendapat sambutan luar biasa apabila lebih 1,000 kakitangan dan pelajar hadir memenuhi Auditorium Utama.

Pada majlis itu turut diadakan sesi soal jawab yang menyaksikan maklum balas menggalakkan apabila pelbagai persoalan ditimbulkan oleh kakitangan UPSI. Setakat ini, katanya, lebih 1,000 komen diterima untuk memantapkan pelan berkenaan. Asma berkata sesi itu bertujuan memantapkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT) 2015-2025 yang bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri pada April depan.

Beliau berkata sebelum ini kerajaan mengadakan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Nasional (PSPTN) 2013-2025 memberi kesan positif kepada pencapaian sistem pendidikan tinggi negara ini. Hasil daripadanya, katanya, kini jumlah pelajar 20 insituti pengajian tinggi awam, swasta, politeknik serta kolej komuniti sudah mencecah 1.2 juta.

Menerusi PSPTN sebelum ini, katanya, lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperlihatkan pencapaian membanggakan apabila menjana pendapatan kira-kira RMI.5 billion.

Beliau berkata, jangan terlalu taksab terhadap kedudukan ranking universiti dunia kerana universiti di Malaysia juga memperlihatkan pencapaian yang

baik dalam 19 subjek daripada 200 bidang di dunia. Umpamanya UPM dalam subjek pertanian, Universiti Malaya (perubatan) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula dalam bidang perbankan Islam.

"Kita mula berusaha mewujudkan universiti penyelidikan pada 2006, tetapi sehingga 2014 kita sudah mencapai pertumbuhan 20 peratus dalam penerbitan manakala *citation* peringkat dunia Malaysia berada pada kedudukan ke-28," katanya. Asma dalam ucapannya turut memuji kejayaan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UPSI menjual produk pau yang dihasilkan melalui penyelidikan dan mendapat sambutan menggalakkan sekali gus boleh menjana pendapatan.

"Warga universiti termasuk UPSI perlu memelihara jati diri Malaysia selain melahirkan mahasiswa yang beradab, mendengar keluhan masyarakat, serta memberi penyelesaian terhadap masalah masyarakat melalui amalan pemikiran yang kritis," katanya. Hadir sama Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, ketua-ketua jabatan serta pelajar pasca siswazah.



Asma (dua dari kiri) menjawab soalan hadirin sambil disaksikan Prof Zakaria (kiri).



Lebih 1,000 kakitangan dan pelajar membanjiri Auditorium Utama UPSI mendengar penjelasan Prof. Asma tentang PPPM-PT.

Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa ke-6 2015 anjuran Kolej Ungku Omar dengan kerjasama Majlis Mahasiswa Kolej (MMK), Kolej Ungku Omar (KUO), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Persekutuan Silat Negeri Perak, (Pesaka Perak) dan dipantau oleh Persekutuan Silat Malaysia (Pesaka Malaysia) boleh mempromosi negeri Perak kepada persada dunia.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Saarani Mohamad ketika berucap merasmikan kejohanan berkenaan di Dewan Kolej Ungku Omar, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI berkata beliau yakin melalui kejohanan itu juga mampu meningkatkan pengetahuan mahasiswa dalam melaksanakan program bersepadu dengan pertubuhan luar.

Kejohanan merebut Piala Menteri Besar Perak itu, katanya, memberi peluang kepada mahasiswa belajar dan meningkatkan daya kepimpinan dan mendedahkan pelajar dengan pengurusan program bertaraf antarabangsa.

"Menerusi program ini akan mendidik para pelajar supaya menyedari hakikat ditubuhkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu semata-mata untuk melahirkan pendidik yang serba boleh dalam segenap aspek dalam membentuk sahsiah peribadi yang unggul kepada anak bangsa kelak.

UPSI, katanya, sebuah institusi pendidikan terulung negara

menuntut tanggungjawab besar setiap warga UPSI demi masa depan negara melalui pendidikan.

"Saya berbangga dengan kerjasama mahasiswa Kolej Ungku Omar yang bukan sahaja mempromosikan nama UPSI malahan negeri Perak di persada dunia," katanya.

Sementara itu Timbalan Presiden, Persekutuan Silat Malaysia (PESAKA MALAYSIA), Dato' Mohamad Suhaimi Mohamed Shah berkata kejohanan itu membabitkan 77 pasukan iaitu 25 pasukan kategori universiti awam, institut pengajian tinggi awam dan swasta, kolej komuniti, politeknik, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Institut Kemahiran MARA.

Selain itu terdapat 22 pasukan remaja iaitu sembilan daripada pasukan negeri, 13 daripada pasukan sekolah yang terdiri dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), sekolah sukan negeri, dan pertubuhan yang bergiat aktif antaranya Persatuan Gayung Fatani Malaysia.

Bagi kategori terbuka antarabangsa membabitkan penyertaan dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand, serta sembilan pasukan negeri di Malaysia iaitu Perak, Selangor, Kelantan, Pahang, Terengganu, Johor, Kedah dan Perlis manakala pasukan daripada badan beruniform iaitu Angkatan Tentera Malaysia.

Pesilat Beraksi di UPSI





SIRIM Edar 200

Topi Keledar

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

UPSI—Penuntut dan kakitangan diseru agar mengamalkan pemanduan berhemah, merancang perjalanan dengan sempurna bagi mengelakkan memandu dalam keadaan tergesa-gesa dan sentiasa memastikan kenderaan dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan.

Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Govenan, UPSI, Encik Shuhir Karmawi Abd Aziz berkata, YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi penekanan yang serius terhadap langkah-langkah mengurangkan kemalangan jalan raya.

"Beliau menyarankan penambahbaikan latihan kepada pemandu dengan mengadakan forum awam tentang keselamatan jalan raya dan meningkatkan program-program berbentuk penguatkuasaan adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian."

"Justeru, setiap pengguna jalan raya perlu memberikan kerjasama yang sepenuhnya demi merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai sifar kemalangan jalan raya," katanya ketika merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Dan Pertukaran Topi Keledar SIRIM yang berlangsung di Dewan Kolej Harun Aminurrashid, UPSI pada 19 Mei 2015.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pensijilan Barangan dan Pemeriksaan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Hj. Basori Selamat berkata, pengujian topi keledar merupakan ujian terawal yang pernah dilakukan oleh pihak SIRIM. Topi keledar yang diuji dan disahkan oleh SIRIM QAS International adalah tertakluk kepada syarat-syarat ujian yang ketat dan disahkan mematuhi spesifikasi standard MS 1:1996.

"Antara ujian yang dijalankan ke atas topi keledar adalah pemeriksaan fizikal, ujian ketahanan tusukan, ujian keadaan persekitaran, ujian kekuatan sistem tali keledar dan akhir sekali, ujian kuasa biasan bagi memastikan keselamatan topi keledar yang digunakan akan dapat melindungi anda sekiranya berlaku kemalangan.

"Di bawah Skim Pensijilan Barangan, selain daripada menjalankan ujian ke atas sampel topi keledar untuk setiap kelompok (batch) pengeluaran, pengilang juga diwajibkan mempunyai sistem kualiti yang mantap untuk memastikan topi keledar yang dikeluarkan sentiasa menepati keperluan standard."

"Oleh itu, kami menyeru agar apabila membeli topi keledar, pastikan ia mempunyai label SIRIM, ini bukan hanya sekadar diwajibkan, tetapi ingin kami tekankan ia insya-Allah akan dapat membantu melindungi anda semua," katanya.

Sepanjang lima tahun penganjuran program tersebut sebanyak 4,100 topi keledar telah diedarkan di 16 institusi pengajian tinggi bertujuan memastikan keselamatan generasi muda dan pada tahun ini, pihak SIRIM telah menyumbang sejumlah 600 topi keledar kepada penuntut-penuntut di UPSI dan dua institusi pengajian tinggi yang lain.



Antara jabatan dan agensi yang hadir menjayakan program ini ialah Jabatan Kesihatan dan keselamatan Pekerjaan Ipoh (DOSH), Jabatan Pertahanan Awam Perak (JPAM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia Perak (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Perak, Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), SIRIM, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR). Hadir sama Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Perak, Puan Laila Mazwin Zakaria.

Turut diadakan penyerahan topi keledar kepada pelajar dan ikrar keselamatan jalan raya, Ceramah Keselamatan Tayar oleh Pegawai Perkhidmatan Pelanggan, Goodyear Malaysia, Encik Nazmi Idris dan Ceramah Pemanduan Berhemah oleh Penolong Pengarah JKJR Negeri Perak, Puan Wan Shahbanun Zulkifli.

Namibia Contohi Malaysia Bangunkan Pendidikan

Malaysia menjadi contoh kepada Namibia untuk mewujudkan visi 2030 yang memberi fokus kepada aspek perkembangan ekonomi melalui pengetahuan teknologi dan perkembangan kemahiran untuk merealisasikan perkembangan sumber manusia negara.

Kedutaan Namibia di Malaysia, H.E. Gebhard Benjamin Kandanga ketika berucap merasmikan Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan ke-25 Negara Namibia di Auditorium, Kampus Sultan Abdul Jalil, Universiti Pendidikan Sultan Idris, berkata kerajaannya menggalakkan golongan belia menyambung pelajaran mereka di pelbagai institusi pendidikan sama ada di dalam atau luar negara. Sehubungan itu, katanya, hal itu penting bagi meningkatkan kemahiran rakyatnya dalam bidang-bidang tertentu ke arah masyarakat yang berilmu.

Program anjuran pelajar Namibia yang menuntut dalam bidang Teknologi Maklumat di Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), UPSI turut dihadiri kira-kira 200 pelajar Namibia yang menuntut di Universiti Lim Kok Wing dan Multimedia University (MMU).

Beliau terharu berikutan sambutan diadakan dalam suasana kesatuan dan kepelbagaian dalam semangat Satu Namibia Satu Malaysia sekali gus memberi makna besar dalam konteks mengukuhkan kerjasama dua negara.

"Saya berterima kasih atas sokongan UPSI terhadap usaha pelajar Namibia bagi menjayakan sambutan kemerdekaan Namibia ke-25 yang diadakan di Auditorium UPSI. Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian tradisional Namibia, tayangan montaj sejarah dan pendidikan Namibia, deklamasi puisi oleh Sharlett Jennifer berjudul 'On this day' dan 'Namibia'.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Dr. Intan Safinas Mohamed Arif Mustapha Albakri, mengucapkan taniah kepada pelajar Namibia yang komited mengadakan

sambutan itu dan turut dihadiri pelajar tempatan.

"UPSI berbangga kerana sambutan kemerdekaan ini memberi peluang kepada pelajar tempatan untuk menyaksikan persembahan yang mencerminkan budaya Namibia. Beliau melahirkan rasa kagum kepada pelajar Namibia di UPSI atas kerjasama, komitmen dan usaha mereka dalam menjayakan program tersebut dengan meriah dan bersemangat. Hadir sama pensyarah kanan FSKIK yang juga Penasihat Program, En. Modi Lakulu serta Presiden Persatuan Pelajar Namibia Malaysia (NASAM), Jossel Hindjou.



UPSI TUBUH IND-E-ZONE

Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata penubuhan Industry Engagement Zone at Universities (Ind-E-Zone) di UPSI dapat membantu pelajar mengenal pasti pekerjaan sesuai sebelum bergraduat.

Berucap di Majlis Pelancaran Ind-E-Zone di Kompleks Bitarasiswa, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada 22 Januari 2015, beliau berkata pusat yang ditubuhkan UPSI atas inisiatif Pusat Transformasi dan Komuniti (UCTC) dengan kerjasama Talent Corp itu bakal memberi peluang kepada pelajar mengenal pasti peluang kerjaya sebelum bergraduat lagi.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar; Ketua Bahagian Kebolehpasaran Graduan Talent Corp Malaysia, Siti Norliza Mohd Sahar serta Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Prof. Madya Dr. Arham Abdullah. Pengarah PTPK, Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah berkata, universiti akan memastikan pelajar memperoleh maklumat yang banyak, lengkap dan tepat tentang alam pekerjaan sebenar sebagai persiapan mereka sepanjang pengajian.

Pada majlis itu, YB. P. Kamalanathan menyampaikan elauan penempatan pelajar sebanyak RM280 kepada bekas pelajar UPSI, Mustaqim Musa.

Sebelum ini Ind-E-Zone dilancarkan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata penubuhan Industry Engagement Zone at Universities (Ind-E-Zone) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dapat membantu pelajar mengenalpasti pekerjaan sesuai sebelum bergraduat.

Berucap pada majlis pelancaran Ind-E-Zone di Kompleks Bitarasiswa, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada 22 Januari 2015, beliau berkata pusat yang ditubuhkan UPSI atas inisiatif Pusat Transformasi dan Komuniti (UCTC) dengan kerjasama Talent Corp itu bakal memberi peluang kepada pelajar mengenalpasti peluang kerjaya sebelum bergraduat lagi.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar; Ketua Bahagian Kebolehpasaran Graduan Talent Corp Malaysia, Siti Norliza Mohd Sahar serta Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Prof. Madya Dr. Arham Abdullah.

Pengarah PTPK, Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah berkata universiti akan memastikan pelajar memperoleh maklumat yang banyak, lengkap dan tepat tentang alam pekerjaan sebenar sebagai persiapan mereka sepanjang pengajian.



UPSI-INSTUN KUKUHKAN KERJASAMA



Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjalin kerjasama dengan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bagi menjayakan pelbagai program yang boleh memberi manfaat dan menguntungkan kedua-dua pihak.

Pada majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UPSI dan INSTUN yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada 16 Mei 2015 itu menyaksikan UPSI diwakili Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa manakala INSTUN diwakili pengarahnya, Encik Mohd Asyraf Mohd Nor.

Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata UPSI dan INSTUN akan mengukuhkan kerjasama bagi meneroka pelbagai peluang membabitkan penyelidikan, pembangunan modal insan, latihan, perundingan serta kepakaran yang dimiliki kedua-dua pihak.

UPSI, katanya, bukan sahaja memiliki pensyarah yang pakar dalam bidang yang boleh menyokong memperkasakan INSTUN, namun segala kemudahan yang ada boleh dimanfaatkan memandangkan INSTUN terletak berdekatan dengan kampus UPSI.

"UPSI bakal memiliki sebuah Kompleks Sukan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dan serta sebuah stadium dan sebuah hotel juga dalam proses pembinaan," katanya.

Beliau berkata pelbagai pengalaman kejayaan yang diraih oleh UPSI khususnya dalam bidang penyelidikan menjadi penanda aras untuk dikongsi bersama INSTUN sekali gus melonjakkan INSTUN sebagai sebuah institusi latihan yang berwibawa.

Sementara itu Mohd Asyraf berkata, sebelum ini INSTUN yang berada di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sudah memanfaatkan tenaga kepakaran UPSI seperti dalam bidang muzik, seni, teknologi maklumat, geografi hingga mencapai kemenangan hasil bimbingan pensyarah UPSI.

INSTUN mengalukan-alukan pelajar geografi untuk menggunakan pelbagai peralatan yang terdapat di institut berkenaan untuk kegunaan penyelidikan berimpak tinggi yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak.

"Bagaimanapun dengan termeterainya memorandum persefahaman ini, INSTUN yang sebelum ini hanya melatih kakitangan yang terbabit dengan pengurusan tanah boleh mempelbagaikan latihan supaya kepakaran yang ada pada UPSI membantu membangunkan modal insan kakitangan Kementerian Sumber asli dan Alam Sekitar yang berkursus di INSTUN," katanya.

Dalam konteks penyelidikan, katanya, mungkin UPSI dapat membantu INSTUN membuat penyelidikan berkaitan isu tanah



Prof. Dato' Dr. Zakaria (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Mohd Asyraf (kanan) sambil disaksikan Mohd Faizi (dua dari kanan) dan Prof. Zainudin (kiri)

runtuh, tahap kepuasan bila berurusan dengan pejabat tanah seluruh negara.

Beliau berkata INSTUN sedia menerima pelajar UPSI untuk menjalani praktikum sekali gus boleh membantu INSTUN menjayakan pelbagai inovasi hasil idea-idea baharu pelajar.

Hadir sama Pendaftar UPSI, En. Mohd Faizi Othman dan Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Prof. Dr. Zainudin Othman.

Perjanjian bertujuan bagi menjalinkan hubungan kerjasama dalam bentuk rasmi antara FSK (UPSI) dan INSTUN bagi membolehkan kedua-dua pihak merancang aktiviti atau program dengan lebih teratur.

UPSI dan INSTUN akan mengenal pasti aspek yang boleh dikembangkan untuk manfaat bagi kedua-dua pihak khususnya dalam aspek latihan, bengkel atau kursus jangka pendek, lawatan, kerjasama penyelidikan dan bakal memberi manfaat kepada pelajar UPSI melalui pelbagai aktiviti seperti kursus atau latihan yang berkaitan dengan bidang, membuat penyelidikan, mencari bahan rujukan atau sebagainya.

AKP 2014

IKTIRAF PELAJAR AKTIF

Oleh: Shahaniza Shamsuddin

Foto: Mohd Reduan Ibrahim

Majlis AKP 2014 pada kali ini menyaksikan lima anugerah yang merangkumi 20 kategori dipertandingkan. Majlis yang diadakan di Dewan SITC, UPSI Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada 25 Mac 2015 itu adalah inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi mengiktiraf pencapaian dan sumbangan pelajar UPSI atas kecemerlangan yang telah diperolehi terutamanya aktiviti luar bilik kuliah bagi tahun 2014.

Pelajar Semester 6, Fakulti Sains Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), Sdr. Mohd Nur Faris Hasli dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Naib Canselor yang membawa pulang wang tunai RM 1,000.00, buku, trofi dan sijil penghargaan. Mohd Nur Faris Hasli sangat aktif dalam aktiviti luar bilik kuliah dan banyak terlibat sebagai pengarah program dalam aktiviti persatuan. Antara pencapaian beliau ialah mampu membawa program ke peringkat antarabangsa iaitu program *Training Of Trainers*, SMP Juara & Khidmat Masyarakat Pesantren Teknologi Riau, Pekanbaru, Riau Indonesia pada 10 hingga 11 April 2014. Program tersebut juga diiktiraf sebagai Program Terbaik Kategori Khidmat Masyarakat di AKP 2014. Majlis Mahasiswa Kolej Kediaman Luar Kampus di bawah pimpinan beliau juga dianugerahkan Badan Pelajar Terbaik 2014 yang menerima geran aktiviti berjumlah RM4,000.00, buku, sijil dan trofi.

Naib Canselor dalam ucapannya berkata, majlis ini juga membuktikan bahawa pelajar-pelajar UPSI bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah turut mempamerkan kecemerlangan dalam aktiviti di luar bilik kuliah iaitu dalam aktiviti ekstra kokurikulum.

INFO PEMENANG

- **ANUGERAH PERDANA NAIB CANSELOR**
Mohd Nur Faris Hasli
- **ANUGERAH BADAN PELAJAR TERBAIK**
Majlis Mahasiswa Kediaman Luar Kampus
- **ANUGERAH PENASIHAT BADAN PELAJAR TERBAIK**
En. Mohd Izwan Shahril
(Persatuan Sains Sukan dan Kejurulatihan)
- **ANUGERAH KECEMERLANGAN INDIVIDU**
- **Anugerah Kecemerlangan Individu Pengucapan Awam**
 - Haziq Azree Yazid (Lelaki)
 - Nur Zulaikha Abu Bakar (Perempuan)

- **Anugerah Kecemerlangan Individu Sukan**
 - Mohd Norafif Mohd Amin (Lelaki)
 - Wan Ameera Farhah Wan Azahari (Perempuan)
- **Anugerah Kecemerlangan Individu Kesenian Dan Kebudayaan**
 - Ahmad Assahirin Hamlet (Lelaki)
 - Nur Izzati Binti Arifin (Perempuan)
- **Anugerah Kecemerlangan Individu Sukarelawan**
 - Mc Lly Adrian Simon (Lelaki)
 - Nur Najwa Hamizah Muhamad (Perempuan)
- **Anugerah Kecemerlangan Individu Kepimpinan**
 - Mohd Nur Faris Hasli (Lelaki)
 - Nur Najwa Hamizah Muhamad (Perempuan)
- **KATEGORI PROGRAM TERBAIK BADAN PELAJAR**
 - I. **Khidmat Masyarakat/Komuniti/Kesukarelawan**
 - Majlis Mahasiswa Kediaman Luar Kampus

II. Kesukanan

- Majlis Mahasiswa Kolej Ungku Omar

III. Akademik/Ilmiah Pendidikan/Inovasi

- Kelab Fasilitator Bitara

IV. Keusahawanan:

- Majlis Anak Johor (M@JOR)

V. Kesenian Dan Kebudayaan

- Persatuan Pendidikan Khas

VI. Kerohanian

- Majlis Mahasiswa Kolej Aminuddin Baki

Delegasi NAMIBIA Kunjung UPSI

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah dikunjungi Delegasi daripada Namibia Students Financial Assistance Fund (NSFAF) diiringi Pesuruhjaya Tinggi Namibia ke Malaysia, Tuan Gerbhard Ben Kandanga pada 9 April 2015 di Bangunan Canselori.

Tujuan utama kunjungan delegasi adalah bagi mendapatkan maklumat berkaitan status kemajuan dan pencapaian akademik pelajar-pelajar Namibia tajaan

NSFAF yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Maklumat) di UPSI.

Antara lain delegasi juga berbincang tentang isu-isu berkaitan pelaksanaan praktikum, latihan industri, penulisan ilmiah tahun akhir dan hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif NSFAF, Puan Hilya Nghiwete turut berminat dalam pengajian pascasiswazah dan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) UPSI untuk bakal-bakal guru di Namibia.

Pertemuan ini telah dipengerusikan oleh Dr. Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan turut dihadiri Dr. Modi Lakulu mewakili Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif.

Turut hadir ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah NSFAF dan Pengurus Hal Ehwal Pelajar NSFAF.



Bakat Pelajar Teserlah Dalam Teater Siti Di Alam Fantasi

Artistique Production di bawah Presentation of Performing Arts Assessment (PROPA), Fakulti Muzik dan Seni Persembahan mempersembahkan Teater Muzikal Kanak-kanak "Siti di Alam Fantasi" (SdAF)

dipentaskan pada 22 dan 23 Mei 2015 di Panggung Budaya, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Teater muzikal arahan Muhammad Lylia Fikri Sadarani bersama pensyarah penasihat Encik Muhammad Faisal Ahmad adalah penilaian bagi enam kursus yang diambil oleh para pelakon serta krew produksi iaitu pelajar minor Teater semester akhir. Teater SdAF merupakan karya Aminah



Rhapor yang kini merupakan pensyarah di UiTM, Shah Alam.





Cabaran POWERMAN UPSI



UPSI-POWERMAN UPSI 2015 anjuran Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Mahasiswa Kediaman Luar Kampus pada 26 April 2015 memberikan cabaran kepada peserta kerana perlu menempuh perjalanan sejauh 23 kilometer yang menggabungkan laluan hutan, sungai, lumpur dan jalan raya sekaligus menguji kemahiran, stamina serta daya ketahanan peserta bagi melengkapkan kejohanan tersebut.

Kejohanan yang terbuka kepada tiga kategori iaitu Terbuka (Lelaki & wanita), Veteran dan IPTA/IPTS ini diadakan bertujuan menerapkan budaya sukan dalam

kalangan warga UPSI sekaligus melahirkan bakal-bakal graduan yang lengkap dengan sahsiah diri dari pelbagai aspek dan bukan sahaja hanya bergantung kepada pengisian ilmu teori sahaja di samping melahirkan komuniti yang sihat.

Selain memperoleh pengalaman merentasi alam semula jadi yang masih belum diterokai peserta turut dapat menghirup udara segar Lembah Bernam, hutan khatulistiwa di hutan Tanjung Malim yang masih terpelihara.





MB Perak Dekati Mahasiswa Baharu

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Penganjuran Majlis Bicara Tokoh sempena Minggu Suai Kenal Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ambilan Februari 2015, diadakan di Auditorium UPSI memberi peluang kepada 567 orang pelajar baharu mengenali dengan lebih dekat Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir.

Dato' Seri Zambry berkata beliau berhasrat melihat UPSI sebagai salah satu institusi yang turut menjadikan penyelidikan sebagai teras utama pembangunannya.

"Aspek penyelidikan merupakan asas dalam menaikkan kredibiliti dan nama UPSI sebagai universiti terulung di peringkat global kelak. Saya turut berharap fokus penyelidikan dapat dijadikan sebagai budaya dalam universiti yang telah melahirkan ramai ilmuwan."

"Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan kepada semua agar jangan terbeban dengan konsep ini kerana selain hasil penyelidikan, penyampaian akademik berkualiti oleh tenaga pengajar dan bidang kokurikulum juga harus dititikberatkan," katanya.

Dato' Seri Zambry juga mengingatkan golongan penuntut agar bijak dalam mentafsir ilmu yang disampaikan supaya tidak tersasar daripada matlamat sebenar mereka kerana dengan lambakan ilmu yang berada di dunia serba moden hari ini, mahasiswa perlu bijak mengimbangkan antara yang baik dan buruk selaras dengan perkembangan minda mereka.

"Siapa tahu, dengan tabiat kita yang sering ingin mendapatkan jawapan dan ligat memikirkan sebarang isu, kita bakal menjadi pemimpin yang dapat menyumbangkan sesuatu yang berfaedah kepada negara satu hari nanti", katanya.

Dalam pertemuan hampir dua jam ini beliau turut menyuarakan usaha-usaha yang dilakukan kerajaan untuk meningkatkan tahap pendidikan sekolah-sekolah di kawasan luar Bandar.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang menjalankan tugas Naib Canselor UPSI, ACP (K) Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Dato' Dr. Muhammad Amin Zakaria,



Istiadat Konvokesyen Ke-17

SIDANG PERTAMA



Istiadat Konvokesyen Ke-17, Sidang Pertama diadakan di Dewan Besar UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City bermula dari 2 hingga 5 Jun 2015 dan disempurnakan oleh Canselor UPSI, Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim.

Dalam Istiadat Konvokesyen Kali Ke-17 ini, secara keseluruhannya, UPSI menganugerahkan ijazah dan diploma kepada 12,327 graduan iaitu 7,125 graduan dalam Sidang Pertama dan 5,202 graduan dalam Sidang Kedua yang akan diadakan pada 24-26 November 2015.

Pada sidang pertama, buat julung kalinya UPSI menganugerahkan ijazah kepada 7,125 orang graduan kohort pertama Pendidikan Jarak Jauh Kementerian Pengajian Tinggi dan kohort pertama francais iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) Dengan Kepujian (Graduan Program Pensiswazahan Guru UPSI–Universiti Sains Malaysia (USM)) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) Dengan Kepujian (Graduan Program Pensiswazahan Guru UPSI – Kirkby International College (KIC)).

Daripada jumlah tersebut 5,682 orang graduan adalah bagi program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di bawah Program Pensiswazahan Guru. Manakala seramai 979 orang graduan daripada program francais USM-UPSI dan 464 orang graduan daripada program francais UPSI-KIRKBY.

Istiadat Konvokesyen ke-17 ini amat penting kepada KIC kerana ia merupakan konvokesyen yang julung kali diadakan secara bersama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Prestasi para graduan Program Pensiswazahan Guru (PPG) yang memberangsangkan menjadikan konvokesyen ini lebih bermakna dan membanggakan apabila daripada 477 graduan, 5.87% mendapat kepujian kelas pertama, 80.92% kepujian kelas kedua atas dan 10.06% kepujian kelas kedua bawah.

USM melibatkan diri secara kerjasama dengan UPSI dengan menawarkan program secara kerjasama UPSI–USM mulai sesi kemasukan 2011/2012. USM menggunakan program UPSI



sepenuhnya memandangkan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM tidak menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sekolah Rendah secara spesifik.

Program francais UPSI–USM bermula melalui ditandatangani melalui MoA bagi membolehkan USM menggunakan sepenuhnya kurikulum UPSI tanpa mengubah sebarang kandungan dari aspek kurikulum.

Pada sidang pertama ini juga buat pertama kalinya Anugerah Kecemerlangan Khas Pelajar Program Pensiswazahan Guru diwujudkan dan dianugerahkan kepada dua orang pelajar iaitu Norazlin Mohd Rusdin (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) Dengan Kepujian) dan Tan Fee Meng, (Ijazah Sarjana Muda Bahasa Cina Dengan Pendidikan). Selain itu, istimewanya Istiadat Konvokesyen Kali Ke-17 ini ialah kerana para bakal graduannya adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang sudah berpengalaman dalam kerjaya pendidikan.



MPN Anjur Jejak Warisan Kali

UPSI—Program Jejak Warisan anjuran Muzium Pendidikan Nasional (MPN) pada 18 April 2015 menerima penyertaan seramai 67 orang peserta terdiri daripada pelajar, kakitangan UPSI dan orang awam.

Dalam program yang dirasmikan oleh Pengarah MPN, Haji Zawawi Itam Osman ini peserta dibahagikan kepada 18 kumpulan dan dikehendaki melalui pelbagai **checkpoint** bermula dari Bangunan Suluh Budiman, surau, stesen keretapi, dan rumah rehat. Setiap laluan

yang dilalui peserta antara satu sama lain adalah berbeza untuk mengelakkan berlaku unsur-unsur penipuan.

Penganjuran kali ketiga itu bertujuan memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang tempat-tempat bersejarah di Tanjong Malim, mengangkat semula elemen sejarah yang sudah pudar ditelan zaman, mengeratkan silaturahim antara masyarakat dengan MPN, dan memeriahkan muzium dengan pelbagai aktiviti.



Hari Terbuka Bendahari Dapat Sambutan

UPSI-Jabatan Bendahari menawarkan pelbagai promosi dan aktiviti menarik kepada pelajar dan kakitangan UPSI sempena Hari Terbuka Jabatan Bendahari yang diadakan pada 12 hingga 13 Mei 2015 di Atrium, Bangunan Canselor.

Antara promosi dan aktiviti yang berlangsung ialah jualan komputer dan aksesori komputer oleh syarikat BHL, jualan produk takaful oleh PruBSN, Takaful Ikhlas dan Etiqa, jualan alat dan talian komunikasi daripada syarikat Celcom, jualan kereta oleh Proton dan Perodua dan promosi produk perbankan oleh Bank Rakyat, dan Loan ASB Maybank.

Pengisian utama hari terbuka ini bertujuan memberi peluang kepada pelanggan untuk mendapatkan khidmat nasihat secara terus berkaitan pengurusan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap unit yang berada di Jabatan Bendahari iaitu iaitu Unit Pentadbiran, Kewangan dan Kualiti, Unit Pembayaran, Unit Gaji, Cuti Belajar & Ticketing, Unit Aset, Stor dan Pembangunan, Unit Akaun, MIS dan Bajet, Unit Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Unit Kumpulan Wang dan Pinjaman dan Unit Kewangan Pelajar dan Kolej.

Selain itu, Bendahari turut mengadakan Cabutan Bertuah yang menawarkan hadiah lumayan iaitu Baucer Percutian ke Kenyir Lake tajaan DRB-Hicom, Smartphone tajaan Celcom, dan Starter Pack tajaan Celcom kepada pengunjung bertuah.



Pusat Islam Giatkan Aktiviti Keagamaan

Sepanjang pertengahan tahun 2015, Pusat Islam UPSI giat melaksanakan pelbagai program, ceramah, forum, diskusi dan bengkel keagamaan serta kerohanian untuk mengisi jiwa pelajar, kakitangan dan masyarakat sekitar Tanjong Malim sekaligus berjaya menyebarkan ilmu yang bermanfaat, dan pengetahuan baharu kepada pendengar.

Pada 6 Januari 2015, bertempat Auditorium Utama, Pusat Islam menganjurkan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti 1436h/2015. Program yang dijalankan setiap tahun ini mendapat perhatian daripada masyarakat setempat dengan membuat penampilan pertama daripada Daie Izzhar bagi membawa imej UPSI yang lebih dikenali dan Pensyarah Kanan di Universiti Putra Malaysia, Ustaz Dr. Mohd Sukki Othman sebagai penceramah.

Sebanyak tiga kali penganjuran Bengkel Tajwid Bersiri telah diadakan iaitu pada 26 Feb. 2015, 25 Mac 2015 dan 26 Mei 2015. Bengkel bersiri ini merupakan program berkala yang dilaksanakan di Pusat Islam bagi melatih para kakitangan dan pelajar membaca Al-Quran dengan sebutan dan makhrāj yang betul. Bengkel ini dikendalikan oleh Pengurus Aura Fitrah Training & Consultancy Ent., Juri Akademi Al-Quran, Ust. Radzi Kamarul Hailan di Bilik Seminar Pusat Islam.



Selain itu, Program Diskusi Turath Kitab Masalah Imam & Makmum juga telah tiga kali diadakan iaitu pada 15 Mac 2015 di Dewan Solat Masjid Al-Mursyidin disampaikan oleh Guru Jqaf dan Pendakwah Bebas, Ust. Hazri Hashim Al-Bindani. Siri Ke 2 telah diadakan pada 11 April 2015 di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning oleh Penceramah bebas, Ust. Nik Muhammad Nasri Nik Malek dan Siri Ke 3 yang diadakan pada 28 Mei 2015 di Dewan Kuliah Pusat 3 disampaikan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Ustaz Rosli Othman. Diskusi turath merupakan projek tetap Universiti rentetan kepada perancangan pelaksanaan sistem pondok universiti yang akan dijalankan tidak lama lagi.

Pusat Islam juga diberi kebenaran menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan di dalam kampus UPSI sendiri. Kursus yang diadakan pada 18 hingga 19 Apr 2015 di Dewan Kuliah Pusat 4 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ini ddiadakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor(JAIS) dengan setiap slot kursus dikendalikan sendiri oleh pegawai-pegawai bertauliah dari JAIS.

Pusat Islam turut tidak mengeneppikan keperluan golongan wanita dari segi keperluan rohani dan jasmani. Justeru itu, dua program iaitu Seminar Sains Solat Wanita dan Program 'Hijab I'm In Love' diadakan bagi memberi pendedahan rahsia kesihatan dalam pergerakan solat dan mendedahkan cara dan gaya pemakaian muslimah yang menepati kehendak syarak. Seminar Sains Solat wanita telah diadakan pada 24 April 2015 di Dewan Konvensyen Bangunan E-Learning dan disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Informatik Perubatan dan Sistem Mikro-Elektro Mekanikal Universiti Malaya, Prof. Ir. Dr. Fatimah Ibrahim. Manakala Program "Hijab I'm In Love" diadakan pada 30 April 2015 di Dewan Sri Tanjong dengan menjemput Ustazah Shadiya Abbas (Penceramah Jemputan Program Fiqh Wanita Di TV3), sebagai penceramah.

Rentetan kemunculan banyak aliran ajaran sesat dan pemikiran yang difatwakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, Pusat Islam mengambil inisiatif melaksanakan Seminar Aqidah Dan Pemikiran pada 14 Mei 2015 di Dewan Konvensyen bangunan E-Learning bagi memberi pencerahan situasi sebenar aliran-aliran ini di Malaysia. Ceramah ini disampaikan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah Klang Selangor, Ust. Nik Jamali Mohd Adnan dan Pensyarah Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan, Dr. Anhar Opir.

Pada 19 Mei 2015 bertempat Auditorium Utama, satu Wacana Intelek Pendidikan & Budaya berkaitan krisis ISIS di Timur Tengah telah diadakan bersempena Pertabalan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Ceramah disampaikan oleh Pengarah Penyelidikan di Madina Institut dan Jemputan Seminar di UK, South Africa, Malaysia dan USA, Dr. Muhammad Yahya Al-Husainy Al-Ninowy .

Sempena Sambutan Israk Mikraj, satu Ceramah Israk Mikraj bertajuk 'Rehlah Ubudiah Kepada Al-Khaliq' telah disampaikan Oleh Pendakwah Bebas dan Pengamal Perubatan, Selebriti TV1, TV Al-Hijrah dan TV9, Ust. Mohamad Hadi Haji Ahmad Talhah pada 21 Mei 2015 di Dewan Konvensyen Bangunan E-Learning.

Buat pertama kali, pada 9 Jun 2015, Pusat Islam telah menjemput Pendakwah Bebas dan selebriti TV terkenal, Dato' Ustazah Siti Nor Bahiyah bagi menyampaikan forum secara langsung di Panggung Budaya Fakulti Seni dan Persembahan. Program ini menerima respon yang amat baik daripada masyarakat setempat dan kakitangan yang hadir bersama pasangan masing-masing.

Pusat Islam turut mengadakan beberapa program keagamaan sebagai pengisian disepanjang Bulan Ramadhan 1436H. Antaranya Program Ihyak Ramadhan di Masjid Al-Mursyidin, dan Gotong Royong Memasak dan Mengagih Bubur Lambuk yang disertai oleh kakitangan UPSI pada Setiap hari Selasa dan Khamis.

153 Pembentang Sertai Persidangan ICHSUPSI 2015



Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Seramai 153 orang pembentang menyertai "International Conference on Human Sciences 2015" anjuran Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) yang diadakan pada 7 hingga 9 April 2015 bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning.

Menurut Dekan FSK, Prof. Dr. Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, persidangan kali pertama diadakan itu bertujuan menyediakan platform untuk ahli-ahli akademik, penyelidik, pegawai kerajaan dan pelajar kepada **angage** dalam penyelidikan, aktiviti saintifik dan penyebaran pengetahuan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.

"Fakulti juga berharap dapat persidangan ini menyediakan dasarkerjasama antarapelbagai pengkaji daripada pelbagai sektor supaya meningkatkan lagi kualiti penyelidikan dan mengangkat kecemerlangan saintifik supaya kami mampu menyumbang untuk merapatkan transformasi pembangunan dalam menghadapi cabaran global."

Ucaptama oleh disampaikan oleh Prof. Dr. Hj. Hamirdin Hj. Ithnin, bertajuk "Distinguished Professor Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan", Profesor Emeritus Dato' Dr. Aminah Ayob bertajuk "The Relevance of Social Science in the 21st Century: Bridging Development and Transformation in the Wake of Global Challenges".

Antara isu yang disentuh dalam persidangan ini ialah pembangunan lestari, pendidikan, agama, isu-isu antarabangsa, trend politik, kebudayaan dan perubahan, hak asasi manusia, sistem keadilan, sejarah dan warisan, isu-isu sosioekonomi.



Amanat Demi Memperkasakan UPSI



UPSI melakukan yang terbaik untuk membantu mangsa-mangsa banjir terutama di kawasan yang kritikal seperti di Kuala Krai, Kelantan termasuk juga di Temerloh dan Jerantut, Pahang, Kuala Kangsar dan Kg Gajah di Perak dengan membelanjakan sebanyak RM250,000.00 dalam misi bantuan kemanusiaan ini sama ada melalui hasil sumbangan warga UPSI dan masyarakat sekeliling mahupun kewangan universiti sendiri.

“Saya menyeru kepada warga UPSI supaya mempunyai sikap yang konsisten, komited dan tekad dalam melakukan transformasi ini. Dalam konteks di UPSI ini sudah tentunya kita berharap pencapaian para pensyarah, kakitangan pentadbiran dan universiti keseluruhannya menjadi lebih cemerlang pada tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Tahun 2015 merupakan tahun tercapainya matlamat UPSI menjadi salah sebuah Universiti pendidikan terunggul di Asean dan di Asia pada tahun 2020. Inilah yang telah kita hasratkan sejak tahun 2011 dan yang telah saya sebutkan beberapa kali dalam amanat Naib Canselor tahun 2013 dan 2014.

Pensyarah Antarabangsa di UPSI juga perlu bertindak sebagai agen pengantarabangsaan UPSI. Pensyarah-pensyarah ini akan diminta membantu mempromosikan UPSI di persada antarabangsa dan mencari pelajar berpotensi di negara asal mereka untuk menyambung pengajian di UPSI.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada pihak NCDRC yang dianugerahkan dana penyelidikan berjumlah RM9,146,453.00

untuk menjalankan penyelidikan Jangka Panjang dan Jangka Pendek serta membangunkan Pusat Data Kanak-Kanak Negara.

Tahun 2015, UPSI akan menyediakan sebanyak 65 geran penyelidikan universiti (GRU). Kita juga menasaskan untuk memperolehi geran penyelidikan Kementerian Pendidikan sebanyak 56 buah geran dengan sasaran 30 geran FRGS, 3 geran PRGS, 10 geran RACE, 10 Geran RAGS, dan 1 geran LRGS.

UPSI menetapkan anggaran untuk diraih sebanyak RMI juta dan sasaran pendaftaran harta intelek ialah tujuh patent Granted, 14 patent Filing, 10 Hakcipta, dua Rekabentuk Industri dan empat Cap Gadangan.

Selain penerbitan artikel jurnal, pada tahun ini UPSI juga menasaskan penerbitan 100 buah judul buku bercetak. Saya menggesa pensyarah menulis dan menghantar manuskrip kepada pihak Pejabat Karang Mengarang.

Tiga buah projek mega iaitu Kompleks Sukan, Kompleks Makmal Penyelidikan Pendidikan dan Pusat Latihan Hospitaliti UPSI merupakan projek yang dapat mengupayakan usaha kita memerkasakan transformasi dan menyokong serta melengkapkan hasrat kita membitarkan kecemerlangan universiti ini.

Pengisytiharan Tanjung Malim sebagai Bandar I Malaysia Youth City akan membuka banyak peluang kepada para pensyarah UPSI terlibat dalam aktiviti penyelidikan, kolaborasi dan pengembangan ilmu serta perundingan.

Karnival Bahasa dan Budaya Erat Hubungan Pelajar

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Akan Menganjurkan Karnival Bahasa dan Budaya Pada 5 Mac 2015 bertempat Di Auditorium, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Sempena program ini sebanyak 13 **booth** pameran akan terlibat untuk menjayakan pelbagai aktiviti budaya dan bahasa yang akan dijalankan termasuk permainan, persembahan dan pameran makanan.

Menurut Pengerusi Karnival Bahasa dan Budaya, Shahril Ismail antara bahan-bahan yang akan dipamerkan sempena karnival sehari itu termasuklah dalam bentuk bahan-bahan pengajaran (modul, buku-buku), makanan tradisional, pakaian tradisional, bendera negara terlibat, projek-projek pelajar, gambar dan poster yang memaparkan budaya dan tempat serta brosur kursus-kursus umum untuk diedarkan kepada pengunjung.

Karnival yang bertemakan "Ekspresikan Dirimu dengan Berbahasa" ini rentetan daripada penubuhan Pusat Perkembangan Bahasa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi bertujuan memperkenalkan Fakulti Bahasa dan Komunikasi sebagai hub penawaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa asing seperti bahasa Jerman, Perancis dan Sepanyol, di samping bahasa Asia iaitu bahasa Jepun, Cina, Arab dan Tamil kepada pelajar dan staf UPSI, golongan korporat dan masyarakat umum.

Beliau berkata karnival yang dirasmikan Datuk Hajah Rusnah Kassim itu juga bertujuan mempromosi Kursus Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Asing dan Bahasa Asia di samping bahasa Iban dan Kadazan Dusun kepada pelajar UPSI sebagai bahasa elektif yang memberi nilai tambah untuk peluang mereka menembusi pasaran kerja.

Selain itu, ia memberi peluang kepada masyarakat untuk menghayati keindahan sesuatu bahasa dan budaya melalui pameran, aktiviti dan filem-filem yang ditayangkan. Selain itu akan diadakan acara persembahan oleh Yayasan Orang Asli Perak serta pelancaran Antologi Puisi Pancabahasa yang berjudul *Pelangi*.



Bertemu Selepas 30 Tahun

Tanjong Malim-Lebih 170 bekas guru pelatih Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) sesi 1985/87 bertemu semula selepas 30 tahun berpisah dan membawa haluan masing-masing berkhidmat di seluruh negara.

Pertemuan `reunion' yang diadakan di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyaksikan alumni gembira dapat bertemu semula dan mengimbas kenangan zaman sebagai guru pelatih.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Reunion Anak Kandung MPSI 1985/1987, Abd Latif Basri berkata selepas 30 tahun, ada kalangan alumni yang sudah berjaya menjadi guru cemerlang, pengetua, pegawai di pejabat pendidikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Malah, katanya, ada yang berjaya dalam bidang keusahawan, korporat serta peindustrian kerana minat untuk menukar haluan profesion daripada perguruan.

"Namun, kejayaan mereka tetap bermula daripada asuhan Ibu Kandung Suluh Budiman (maktab) dan tidak melupakan kenangan yang begitu berharga sewaktu menuntut di MPSI," katanya.

Pada majlis sama, alumni menyerahkan yuran pendaftaran sebanyak RM6,000 untuk Persatuan Alumni Suluh Budiman (PASB) yang diterima oleh presidennya, Datuk Ahmad Burak.

Selain itu, sebanyak RM1,200 berjaya dikumpulkan untuk diserahkan kepada Tabung ResQ Team UPSI.

Datuk Ahmad dalam ucapannya berkata PASB juga bergerak aktif membantu mangsa banjir bersama lebih 800 sukarelawan UPSI ke Kuala Krai, Kelantan membantu mangsa banjir menerusi lima misi semasa dan pasca banjir.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Datuk Dr Muhammad Amin Zakaria dalam ucapannya berkata alumni disaran membantu universiti dan PASB.

UPSI bermula dengan sejarah pendidikan yang hebat dan alumni perlu berbangga kerana pernah menuntut di institusi yang cukup bersejarah.

"Selain mengenang nostalgia lalu, alumni perlu memikirkan bagaimana dapat membantu universiti yang berjasa kepada dunia pendidikan tanah air ini," katanya.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Datuk Dr. Junaidi Abu Bakar serta Pengarah Pusat Perhubungan Alumni (PPA) UPSI, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali.





RHB

RHB BANK BERHAD
INCORPORATED IN MALAYSIA

Mergong Beach, Alor Setar

STAMP DUTY PAID

18 - 02050

A/C DRAFTER ONLY

Tarikh
Date

0 5 0 2 1 5

D D M M Y Y

ATAU PENGAWA
OR BEARER

BAYAR
Pay

PERSATUAN ALUMNI SULUH BUDIMAN

PANGSAP
MALAYSIA

ENAM RIBU SAHAJA

RM

6,000.00



Wawa Abadikan Diri Demi Kesukarelawan

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

UPSI – Dua tahun berturut-turut, pemilik nama Nur Najwa Hamidah Muhamad, diangkat sebagai pemenang Anugerah Kecemerlangan Individu Kesukarelawan 2013, 2014 dan Anugerah Kecemerlangan Individu Kepimpinan 2013, 2014, UPSI namun gadis manis berusia 23 tahun ini tidak mendabik dada dengan kejayaan tersebut.

Mengulas kejayaannya itu, Nur Najwa Hamidah memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi dan tidak menjangkakan kerana terdapat calon-calon lain yang hebat. Beliau menganggap kejayaan itu sebagai penghargaan terbesar dan pembakar semangat untuk terus berbakti kepada masyarakat.

Dikenali dengan panggilan Wawa, pelajar semester lapan, kursus Ijazah Sarjana Muda Psikologi, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia ini berkata, setiap kejayaan yang dikecapi daripada hasil usaha beliau yang bermula dari bawah.

"Saya pernah mengalami kegagalan dan segala kesukaran akan mematangkan diri. Walau di mana pun kita berada, akan ada ujian yang akan mematahkan semangat kita. Tetapi jangan cepat berputus asa kerana *winners never quit and quitters never win*. Setiap kali jatuh kita perlu bangkit berdiri," katanya.

Berpegang kepada kata-
more you give, the more
Beliau menganggap
sumbangan
dihulurkan
semestinya dalam bentuk
ringgit.

"Mungkin
boleh sumbangkan
tenaga, idea dan masa
untuk membantu orang
lain. Kadang-kadang
apa yang kita rasa
kecil bagi kita tapi
itu

kata 'the
you get'.
setiap
yang
tidak
wang
kita

merupakan nikmat yang besar kepada orang lain."

"Setiap sukarelawan tentu faham erti kepuasan dan kebahagiaan apabila dapat melihat cahaya kegembiraan di wajah-wajah orang yang kita bantu. Apa yang paling saya suka tentang sukarelawan ialah kita bekerjasama tanpa mengira bangsa dan agama dan mempunyai satu misi yang jelas iaitu untuk membantu orang lain," katanya.

Anak jati Kota Bharu, Kelantan ini pernah diangkat menjadi pengarah pelbagai program sukarelawan seperti Untukmu Syria 0.1, 0.2, dan 0.3 (kutipan dana untuk warga Syria), We Love We Care (program ke pusat perlindungan kucing di Putrajaya), Apa Khabar Syria (bersama Videographer Misi kemanusiaan Ke Syria, Faisal Hamdi), Assamualaikum Cinta (bicara bersama finalis DAI Pendakwah Milenia 2014, Izzhar), Projek 3 Ringgit (Wakaf Selipar di Masjid UPSI dan Tanjong Malim), dan Program Motivasi Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah,

Selain itu, jawatan lain yang pernah disandang ialah Timbalan Pengarah Program East Coast Drug Exposure (Memberi gelandangan makan dan membantu golongan transgender dari pusat-pusat pemulihan dadah di Kelantan, Tampin, dan Chow Kit).

Walaupun aktif dalam bidang sukarelawan, Wawa masih mampu membahagikan masa untuk pelajaran. Hal ini terbukti apabila setiap semester beliau mampu mengekalkan pencapaian akademik, PNGK 3 ke atas.

Menurut beliau memberikan tumpuan dan berusaha melakukan yang terbaik dalam setiap perkara yang dilakukan.

"Kita perlu fokus dengan apa yang kita nak. Apa yang kita fikir, cakap, lihat dan rasa itu merupakan satu doa. Ubah diri untuk selalu berfikir positif dan percaya kepada setiap impian kita."

"Sebagai graduan yang bakal menamatkan pengajian di UPSI, langkah saya dalam bidang kepimpinan dan kesukarelawan tidak akan terhenti di sini. Saya akan terus mencari peluang untuk terus maju dalam kedua bidang ini dan juga bidang," ujar beliau.

Justeru sebagai persediaan menghadapi cabaran dalam kerjaya, Wawa kini menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan menjadi pelapis perniagaan yang diusahakan oleh kakaknya, Masitah Muhamad iaitu Spa 'Aisyahumaira Beauty Spa' yang beroperasi sejak tahun 2012 di Ketereh, Kelantan.



Biodata

Nama Penuh: Nur Najwa Hamidah Muhamad
Asal: Kota Bharu, Kelantan
Umur: 23 Tahun
Tarikhlahir: 5 Mei 1992

Kelayakan Akademik

- Sekolah Kebangsaan Kok Lanas,
- Sekolah Menengah Kebangsaan Kok Lanas,
- Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kolej Matrikulasi MARA,
- Universiti Pendidikan Sultan Idris

Penghargaan dan anugerah yang pernah dimenangi:

- Anugerah Pemimpin Pelapis Harapan 2013
- Anugerah Kepimpinan, Anugerah Ketrampilan Pelajar 2013
- Anugerah Kesukarelawan, Anugerah Ketrampilan Pelajar 2013
- Anugerah Kepimpinan, Anugerah Ketrampilan Pelajar 2014
- Anugerah Kesukarelawan, Anugerah Ketrampilan Pelajar 2014

JALINAN KERJASAMA UPSI-PERANGKAAAN KONGSI DATA

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama Canselor pada 28 Mei 2015 bakal memberi manfaat kepada pelajar UPSI untuk mengaplikasikan data bagi menjayakan kajian mereka .

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa mewakili UPSI manakala Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan mewakili JPM.

JPM yang beroperasi di bawah Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab memungut, mentafsir serta menyebarkan data perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.

Prof. Dato' Dr. Zakaria berkata dalam konteks pendidikan, UPSI secara umumnya merasakan perlunya hubungan kerjasama ini dijalinan kerana ia dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Antaranya melalui beberapa kursus di fakulti yang memerlukan data dan statistik yang boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di samping melalui aktiviti penyelidikan sama ada oleh pensyarah dan pelajar di semua peringkat pengajian sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Secara tidak langsung melalui hubungan rasmi ini telah membantu JPM mencapai salah satu objektifnya iaitu memperluaskan penggunaan statistik dalam kalangan pengguna.

Beliau turut mempelawa JPM untuk bekerjasama dengan UPSI melalui khidmat kepakaran kakitangan akademik dalam pelbagai bidang yang dapat memberi manfaat kepada Jabatan Perangkaan Malaysia.



UPSI – Dalam rangka upaya penguatan jati diri dan pembangunan karakter pelajar melalui seni budaya selaras dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi yang ingin mewujudkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan juga emosi, Pusat Kebudayaan Univeristi Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Ikatan Sepadu Anak Jati Sabah (IKSAS) dan Kelab U-Tech menganjurkan Festival Citra Budaya 2015 pada 24 hingga 26 April 2015 bertempat di Auditorium, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Selain memberi pendedahan kepada pelajar UPSI tentang kepelbagaian budaya di Malaysia, festival ini juga bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama antara pelajar tanpa mengira perbezaan negeri, agama, budaya dan warna kulit dalam menjalankan sesuatu aktiviti secara bersama dan dalam masa yang sama menyemai semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.

Sebanyak tujuh pertandingan dianjurkan dalam program tersebut iaitu Pertandingan Peragaan Baju Tradisional, Explorace Jejak Identiti Anak Bangsa, Peraduan FOTO KITA, Pertandingan Parody @ Lakonan Pendek, Sukan Rakyat, Pertandingan Puisi Mengikut Dialek dan Pertandingan Nyanyian Lagu Etnik @ Negeri.

Senarai Pemenang:

Pertandingan Peragaan Baju Tradisional

Johan : Jananee A/P Subramaniam
N. Johan : Gabriella Gayle Tingai
Ketiga : Frainessia binti Razlan

Explorace Jejak Identiti anak bangsa

Johan : Kumpulan PK-10
N. Johan : Kumpulan PRORBA
Ketiga : Kumpulan Historian

Peraduan FOTO KITA

Pemenang : Muhd Aizat bin Matsin

Pertandingan Parody @ Lakonan Pendek

Johan : Kumpulan Ketutu
N. Johan : Kumpulan SS (Supardy)
Ketiga : Kumpulan Hantam Sajalah

Sukan Rakyat

Johan : Kumpulan Qu-Puteh
N. Johan : Kumpulan PRO
Ketiga : Kumpulan GO GO GREEN

Pertandingan Puisi mengikut Dialek

Johan : Mohd Hidayad Hamdan
N. Johan : Mohd Johan Bin Rudin
Ketiga : Muhd Fakhru Fakhru bin Farrok

Pertandingan Nyanyian Lagu Etnik @ Negeri

Johan : Siti Safeah @ Ramona
N. Johan : Muhd Fakhru Fakhru bin Farrok
Ketiga: Makenzie Thriffilova Tomas



Festival Citra



Malam Seni Budaya



Pertandingan Peragaan Pakaian



Malam Seni Wayang



Budaya 2015 Pupuk Jati Diri Pelajar



Eksplorasi Jejak Identiti Anak Bangsa



Pertandingan Deklamasi Puisi Negeri

Dato' Mah Siew Keong Tinjau UPSI

Oleh: Syafiqah Nazary & Maziah Zee Abdullah

ADUN Teluk Intan, Dato' Mah Siew Keong selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melakukan lawatan kerja ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 26 Jun yang lepas. Lawatan kerja beliau untuk meninjau perkembangan pembinaan kampus baharu UPSI cawangan Teluk Intan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Razak pada Jun 2014.

Kampus cawangan UPSI di Teluk Intan ini akan di bina di kawasan seluas 80 ekar; mempunyai keluasan yang sama dengan kampus Sultan Abdul Jalil Shah iaitu kampus asal yang telah diwartakan sebagai warisan negara iaitu Muzium Pendidikan Nasional dan Bangunan Suluh Budiman. Pembinaan kampus cawangan tersebut akan memberi manfaat dan latihan kepada kira-kira 1000 bakal guru pada peringkat permulaan dan dijangka angka ini akan terus meningkat.

Hal ini sekali gus dapat merealisasikan hasrat UPSI sebagai satu-satunya universiti pendidikan di tanah air untuk muncul sebagai "The Leading Education University" di Asia Tenggara menjelang 2020.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta dalam RMK-10 untuk pembinaan kampus cawangan UPSI di Teluk Intan. Status terkini projek

pembangunan kampus cawangan UPSI di Teluk Intan berada di tahap menyediakan reka bentuk bagi kerja-kerja pembaikan tanah yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya yang akan mula berjalan pada hujung tahun ini. Manakala kerja-kerja pembinaan bangunan dan infrastruktur dijangka bermula pada Oktober 2016, projek dijangka siapa pada tahun 2019.

Dalam rangka lawatan, Dato' Mah Siew Keong dan rombongan juga dibawa meninjau Kampus Sultan Abdul Jalil Shah dan Kampus Sultan Azlan Shah, dan beliau mengakhiri lawatan dengan Majlis Berbuka Puasa bersama dengan pengurusan UPSI dan petugas.



PAU Sedili UPSI Dapat Sambutan

Penghasilan Pau oleh Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) semakin popular di sekitar Tanjong Malim.

Produk yang dihasilkan ini bermula dengan projek pelajar seliaan Dr. Suriani Mohamad di bawah kursus Bakeri dan Konfeksioneri ini semakin diminati disebabkan rasanya yang enak dan terdapat dalam beberapa perasa.

Projek yang mendapat sokongan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris ini seterusnya diteruskan dengan aktiviti penghasilan pau secara sambilan bagi acara-acara rasmi universiti dan dijual secara kecil-kecilan.

Sokongan itu dibuktikan melalui Mesyuarat Unit Harta Intelek dan Pengkomersilan pada Julai 2014 yang dipengerusikan oleh Prof. Dato' Dr. Noraini Idris sekali gus memberi mandat agar FPTV mengkomersialkan penghasilan pau bagi menjana kewangan serta meningkatkan imej UPSI.

Kini ramai yang bertanya tentang pau yang dinamakan Pau Sedili yang operasi pembuatannya di Bangunan Yusoff Ahmad dan akan datang operasi pembuatan berpindah ke Makmal Tiub Kaca sebagai premis yang digunakan untuk memproses pau dan dijangka siap pada Julai 2015.

Menurut Dr. Suriani dengan wujudnya premis khas untuk pemprosesan pau ini nanti, dijangkakan pengeluaran pau dapat ditingkatkan ke tahap yang optimum dan boleh menampung permintaan luar.

"Pihak UPSI memberi sokongan penuh kepada FPTV berkaitan projek pengkomersialan pau ini dengan sehingga kini FPTV menerima peruntukkan sebanyak RM20,000 untuk pembelian mesin dan banyak lagi bantuan dijangka akan diterima sekiranya premis Makmal Tiub Kaca siap.

Beliau berkata resepi asal pau ini adalah daripada warisan keluarganya dan diinovasikan terutamanya inti pau supaya lebih bervariasi selain bersih cara pembuatannya.



Kuih pau yang dihasilkan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UPSI.

Terdapat tujuh jenis pau UPSI yang dihasilkan iaitu Pau Kacang, Pau Kaya, Pau Sardin, Pau Coklat, Pau Kari Daging, Pau Kari Ayam dan Pau Labu yang terhasil berkonsepkan "sedap, lembut dan gebu".

Antara jenis pau yang dihasilkan, Pau Labu merupakan resipi terbaru yang dikeluarkan oleh pihak UPSI. Kesemua inti pau ini disediakan sendiri dan telah didokumentasikan dalam bentuk resepi standard.

Jualan pau dalam bentuk sejuk beku atau panas mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar dan kakitangan UPSI serta penduduk sekitar Tanjong Malim.

Setakat ini, katanya, FPTV menggunakan e-mel serta media sosial seperti WhatsApp dan Facebook sebagai saluran untuk mempromosikan pau.

"Kami mengalu-alukan sokongan masyarakat setempat terhadap pau UPSI khasnya kepada pengunjung atau pelancong yang singgah di Tanjong Malim untuk hidangan bagi keluarga terutamanya di hujung minggu dan sebagai buah tangan kepada sanak-saudara dan kenalan.

Tempahan awal boleh dibuat dengan menghubungi Dr. Suriani di talian 019-3035580.

Sementara itu Prof. Dato' Dr. Noraini berkata pihak pengurusan UPSI juga sering kali membuat tempahan pau berkenaan sebagai hidangan untuk tetamu universiti dan buah tangan kepada tetamu sekiranya terdapat majlis rasmi di UPSI.

"Universiti berbangga dengan produk terbaharu ini yang boleh dikomersialkan secara meluas dan berpotensi bukan sahaja mendapat pasaran tempatan malah luar Tanjong Malim," katanya.



Dr. Suriani (empat dari kanan) bersama Dekan FPTV, Prof. Madya Dr. Syed Syed Abdul Malik Syed Mohamad menerima kunjungan rakan-rakan di ruang jualan semasa Majlis Menyemarakkan 4P UPSI di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah baru-baru ini.

Guru Sempurnakan Akhlak Pelajar

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

UPSI – Universiti Pendidikan Sultan Idris sering dikaitkan dengan kerjaya perguruan. Sepanjang 17 tahun penubuhannya, UPSI telah melahirkan lebih 40 ribu guru yang mengajar di seluruh pelusuk tanah air. Bahkan setiap tahun apabila tiba tarikh 16 Mei Sambutan Hari Guru tidak pernah dilupakan bagi menghargai pengorbanan dan jasa-jasa guru. Pada tahun ini melalui tema "Guru : Membina Ilmu Menyempurnakan Akhlak", Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, guru sepatutnya berperanan untuk tujuan tersebut kerana satu aspek yang selalu ditinggalkan sebagai pendidik ialah pembinaan akhlak pelajar:

"Dalam konteks ini, seperti mana Rasulullah s.a.w. sendiri merupakan utusan Allah S.W.T untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai contoh tauladan. Kalau kita lihat sebagai seorang guru, kita mesti mempamerkan akhlak yang baik agar dapat diikuti oleh pelajar kerana guru merupakan orang yang akan diikuti oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka".

"Contoh guru unggul yang sepatutnya menjadi idola kita khususnya orang Islam ialah Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. itu sendiri. Malahan baginda diutuskan untuk menyempurnakan akhlak. Justeru itulah tugas guru dianggap mulia kerana mewarisi sebahagian daripada tugas atau diutuskan nabi."

Tambah beliau, guru hari ini perlu memainkan peranan penting untuk menyempurnakan akhlak murid serta membentuk insan seimbang dan berperibadi unggul lebih-lebih lagi dalam kehairahan masyarakat kini yang mengejar kemajuan material, justeru, aspek akhlak dan nilai mumi perlu diberikan perhatian oleh sistem pendidikan di Malaysia.

"Modal insan yang ingin kita bangunkan tidak seharusnya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata tetapi juga mesti diperkukuhkan dengan akhlak yang terpuji dan nilai-nilai yang tinggi".

Anugerah Pensyarah Terbaik Fakulti

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Dr. Zulkifli Osman

Fakulti Musik dan Seni Persembahan
Cik Nuruakmal Abdul Wahid

Fakulti Pengurusan Ekonomi
Dr. Zainizam Zakaria

Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif
Dr. Azniah Ismail

Fakulti Sains Matematik
Prof Dr. Saberi Othman

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Manusia
Prof Dr. Noor Shah Saad

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Dr. Nor Azlina Hasbullah

Fakulti Sains Kemanusiaan
Dr. Yazid Salleh

Fakultin Sains Sukan dan Kejurulatihan.
Dr. Normah Jusoh

Anugerah Tokoh Guru Peringkat UPSI 2015

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim
Tuan Haji Mohd Mazli Mohd Arif

Pemenang Pertandingan Deklamasi Sajak

- 1) Khairul Azhar Usof
- 2) Mardianto Hamid
- 3) Nur Suhaiba Bahro

Pertandingan Videografi

- 1) Mohd Zulhakimi Che Abdullah,
- 2) Nik Zuhar Che Johari
- 3) Ariss Ahmad



Pelajar Antarabangsa Teruja Pelajari Budaya Melayu

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Universiti Pendidikan Sultan Idris menerima 10 pelajar antarabangsa baharu bagi kemasukan bulan Februari 2015. Daripada jumlah tersebut lima pelajar berasal dari Amerika Syarikat, empat dari Korea dan seorang dari Turki.

Menurut Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Cik Dakshayani a/p Selvaraja, sembilan daripada 10 pelajar itu mengikuti program pertukaran pelajar selama satu semester melalui program ISEP. Seorang lagi pelajar iaitu warga Turki mengikuti bidang TESL secara sepenuh masa selama empat tahun pengajian.

"Biarpun kehadiran mereka dalam jumlah yang sedikit, namun pelajar-pelajar ini cukup teruja dan amat berterima kasih kerana berpeluang untuk menyambung pengajian di UPSI," katanya.

Kesemua pelajar dialu-alukan kehadiran mereka melalui Program Orientasi Pelajar Antarabangsa yang diadakan pada 11 hingga 13 Februari 2015 bertempat di Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI.

Pelajar diajar perkataan dan ayat-ayat Bahasa Melayu yang ringkas untuk memudahkan proses komunikasi

dengan pelajar dan masyarakat setempat. Selain itu, pelajar turut diperkenalkan dengan adat dan budaya pelbagai kaum khususnya Melayu oleh Cik Hasimah Ja'afar, pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi.

Antaranya tarian Dondang Sayang dan jenis-jenis makanan di Tanjong Malim khususnya makanan kegemaran rakyat Malaysia.

Sepanjang tiga hari Program Orientasi Pelajar Antarabangsa mereka mengikuti penerangan ringkas mengenai latar belakang UPSI, Taklimat Akademik, Taklimat Perpustakaan, Taklimat Pusat Teknologi Maklumat (ICT) dan Jelajah Kampus.



Aktivis Kebudayaan Harumkan UPSI

UPSI-Para aktivis kebudayaan UPSI terus melakar pelbagai kejayaan tersendiri dan membanggakan apabila berjaya mengharumkan nama UPSI dalam pertandingan dalam dan

luar yang disertai. Sehingga Jun 2015, pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah dicapai membuktikan UPSI mempunyai pelajar yang berbakat besar.



Pasukan B terdiri daripada dua pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Wan Nurshabina Wan Mohamad dan Khodijatul Busyro Md Noor meraih Naib Johan di Festival Sajian IPTA 2015 yang telah berlangsung pada 12 Mac 2015 di Universiti Utara Malaysia. Pasukan ini diselia oleh En. Mohd Nazri Abdul Raji (Tutor) dan En. Muhammad Hazwan Ibrahim (Pen. Peg. Penyediaan Makanan).



Pusat Kebudayaan, UPSI yang diwakili oleh Mohd Anassuib Sapali (Fakulti Bahasa dan komunikasi) dan Mohd Norhamdan Rosli (Fakulti Sains Kemanusiaan) masing-masing dinobatkan Johan dan Naib Johan Pertandingan Lagu Dakwah Dan Ketuhanan Karnival Mahabbah Kolej Komuniti Peringkat Negeri Perak 2015. Kumpulan ini dilatih oleh Muhammad Fakhrun Hanif Abd. Hamid dan Abdul Alif Abdul Marit, Artis Budaya dari Pusat Kebudayaan.



Pelajar Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Mohamad Farahim Mohd Sanimin meraih Naib Johan Pertandingan Nyanyian Malam Bintang Utara 2015 yang telah berlangsung pada 15 Mac 2015 di Universiti Utara Malaysia.



Kelab Tari Destar Limar, Pusat Kebudayaan UPSI yang diwakili 12 orang penari telah mendapat Naib Johan di pertandingan Empayar Akar Kita Zapin 2015 Peringkat Zon Utara. Pertandingan yang diadakan pada 2 Mei 2015 di AEON Mall Taiping Perak anjuran Persatuan Tati Seni Malaysia ini dikelola oleh artis terkenal tanah air, Pn. Noraniza Idris. Selain itu, UPSI turut terpilih ke Pertandingan Empayar Akar Kita Zapin Nusantara Peringkat Kebangsaan 2015 yang akan diadakan pada bulan September nanti.



Persatuan Dikir Barat UPSI Cenderawasih HEPA, mendapat Johan Pertandingan Dikir Barat Peringkat IPT 2015 yang diadakan pada 18 dan 19 April 2015 di Dewan Besar UPSI. Selain itu, Kumpulan ini turut berjaya memenangi tiga anugerah yang lain iaitu Anugerah Awak-awak Terbaik, Anugerah Juara Dikir Terbaik dan Anugerah Persembahan Terbaik. Pasukan ini diselia oleh Penasihat Persatuan En. Mohd Ismail Mohd Zin (Pegawai Kebudayaan, Pusat Kebudayaan).



Kumpulan Mustika Bayu dan Ikatan Sepadu Anak Jati Sabah dinobatkan Johan di Festival Citra Bayu 2015 yang berlangsung pada 21 Mac 2015 di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kumpulan ini diselia oleh Abdul Alif Abdul Marit (Artis Budaya, Pusat Kebudayaan). Selain itu salah seorang penari UPSI, Sitti Amisah Saini, pelajar Fakulti Muzik dan Seni Persembahan telah dinobatkan Penari Wanita Terbaik.



Perutusan Dari Penjara

Dedah Sisi Gelap Penagihan Dadah

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Bicara buku *Perutusan Dari Penjara* karya Dr. Shaari Isa anjuran Kursus Ketrampilan Penulis BSK 3033 dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pusat Perhubungan Alumni, UPSI berjaya merealisasikan hasrat penulisnya untuk berkongsi cerita yang ditulis itu khusus untuk tatapan remaja.

Program yang diadakan di Dewan Konvensyen, E-Learning pada 15 Mei 2015 ini bermatlamat mendekati pengarang dan karyanya kepada khalayak sebagai proses pembelajaran mahasiswa dalam penulisan kreatif dan mendedahkan pengetahuan kepengarangan kepada golongan pelajar untuk menghasilkan penulisan kreatif.

Menurut Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusuf Hasan selaku pengulas buku berkata, karya terbaharu Dr. Shaari Isa yang juga Anak Kandung Suluh Budiman itu membawa tema tentang sindiket pengedaran dadah

dan betapa ia memberi kesan buruk kepada remaja dan para pelajar sekolah.

Tambah beliau, novel setebal 214 halaman dan mengandungi 21 bab itu mengisahkan seorang wartawan iaitu Puan Hani daripada majalah *Bintang* mengumpulkan beberapa maklumat tentang bagaimana seorang pelajar bernama Karim terlibat dalam sindiket pengedaran dadah. Dalam penyiasatannya, Puan Hani mendapati beberapa pihak yang terlibat dalam jaringan pengedaran itu.

Program yang dirasmikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah, FBK, Dr. Ani Omar ini turut menampilkan Penganalisis Jenayah terkenal, Encik Kamal Efendi Hasyim sebagai panel untuk mendedahkan keburukan dan kesan penagihan dadah terhadap individu.

Hadir sama Ketua Editor Buku Kanak-Kanak dan Remaja (DBP), Puan Rusnah Awang, dan Penasihat Program, Encik Ghazali Din. Turut diadakan gimik pelancaran buku *Perutusan Dari Penjara*.



UPSI Lokasi Penggambaran Filem Terbaharu Mamat Khalid

Oleh Sajarutul Nor Kasim

UPSI-Muzium Pendidikan Nasional, UPSI menjadi lokasi penggambaran filem terbaharu arahan Pengarah terkenal, Mamat Khalid bertajuk Usop Wilcha : Menghonzang Makhluk Muzium.

Filem terbitan Les Copaque Movies Sdn. Bhd. ini telah memulakan penggambaran pada 27 Mei 2014. Krew serta artis yang terlibat berkampung di Tanjung Malim selama 25 hari dan menggunakan pelbagai dusut dan tempat menarik di sekitar UPSI dan Tanjung Malim.

Filem yang dibintangi oleh Nasir Bilal Khan, Namron, Hitler Zami dan Elezabeth Tan ini turut mengambil pelakon tambahan dalam kalangan warga UPSI antaranya Dekan Fakulti Muzik & Seni persembahan, Prof. Madya Zaharul Lailiddin Saidon.

Filem yang bakal ditayangkan pada 3 September 2015 ini mengisahkan insiden yang berlaku ketika penganjuran pameran hantu dunia oleh pihak muzium dalam usaha menarik orang ramai untuk berkunjung ke muzium. Namun penganjuran tersebut tanpa disedari di rancang oleh pihak tertentu dalam usaha menghidupkan Count Fracula (Vlad The Impaler) yang akan membuatkan keadaan negara menjadi huru-hara.

Walau bagaimanapun rancangan tersebut disedari oleh patung-patung tokoh lama iaitu Perak Man, Sultan Melaka, Bendahara Tun Perpatih Putih, Datuk Maharaja Lela dan Si Putum yang mempunyai semangat untuk menggagalkan rancangan tersebut.

Justeru demi menyelamatkan keturunan anak cicit mereka, masing-masing terpaksa berkomunikasi dengan orang luar yang boleh dipercayai, sehinggalah muncul Usop Wilcha yang secara kebetulan ditugaskan untuk membaik pulih penghawa dingin yang rosak di muzium tersebut.



UPSI Naib Johan Pertandingan Festival Sajian 2015

UPSI-Wan Nurshabihah Wan Mohamad dan Khodijatul Busyro Md Noor, pelajar semester 8, kursus Sarjana Muda Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), dinobatkan sebagai Naib Johan Pertandingan Festival Sajian 2015 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia.

Dalam pertandingan anjuran Majlis Kebajikan Sukan dan Kebudayaan (MKSK) UUM yang diadakan pada 12 Mac 2015 itu, pelajar di bawah seliaan En. Mohd Nazri Abdul Raji dan En. Muhammad Hazwan Ibrahim ini berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM350.00, hamper dan piala selain dapat melayakkan ke Pertandingan Sintok King Chef.

UPSI menghantar tiga kumpulan bagi menyertai pertandingan bagi Kategori Terbuka iaitu penyertaan terdiri daripada semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan kakitangan IPTA seluruh Malaysia. Tempat Pertama dimenangi oleh EDC Hotel, UUM dan tempat ketiga dimenangi oleh Staf Hal Ehwal Pelajar UUM. Sebanyak 12 kumpulan bertanding dalam festival ini.



BKK LAWAT ASTRO AWANI

Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) mengadakan kunjungan ke Pejabat Operasi Astro Awani pada 26 Mac 2015 lalu di Kuala Lumpur untuk membina

kerjasama antara kedua-dua pihak. BKK diwakili Pengarah, Dr. Hj. Zainab Othman; Timbalan Pendaftar, En. Mohd Husyaini Hashim; Penyelaras Media dan Publisiti, En. Ghazali Din; Penolong Pendaftar, Datin Norhayati Hood; Penolong Pegawai Tadbir, En. Mohd Halim Mat Zaki serta Jurufoto, En. Fisol Ahmad.

Perbincangan selama dua jam itu memberi tumpuan kepada liputan tentang penyelidikan menarik yang berkepentingan awam untuk disiarkan. Antara hasil perbincangan, Astro

Awani bersetuju menemuramah Pengarah Institut Peradaban Melayu, Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin sempena Istiadat Pertabalan Sultan Perak pada 9 Mei depan.

BKK akan mengadakan lawatan ke beberapa sesen TV dan media cetak lagi selepas ini sebagai strategi mengukuh kerjasama dua hala.



UPSI Cemerlang di ITEX 2015

Penyelidik UPSI mencatat sejarah paling manis pada tahun 2015 apabila 20 projek yang menyertai 25rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2014 (ITEX 2015) yang berlangsung pada 21 hingga 23 Mei 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) berjaya menggondol 10 pingat emas, enam pingat perak dan empat pingat gangsa.

Dua pengiktirafan diperoleh melalui penyelidikan oleh Prof. Madya Dr. Fauzi Sedon @ M. Dom menerima Special Award : Association "Russian House for Scientific and Technological Cooperation", dan Prof. Madya Dr. Ismail Zainol menerima Special Award: Malaysian Innovative Product Awards 2015.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris berkata, kemenangan dan pencapaian itu pasti membakar semangat penyelidik-penyelidik lain untuk kreatif menghasilkan projek-projek menarik dan berpotensi bagi meraih kemenangan dalam mana-mana ekspo dan pameran sama ada dalam atau luar negara.

"Pencapaian UPSI juga membanggakan apabila beberapa produk yang menang telah berjaya dikomersialkan dan ada yang sedang dalam perbincangan dengan pihak industri," katanya.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI, Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said berkata semua penyelidik komited dalam menghasilkan projek atau produk yang berimpak tinggi.

Lapan lagi pingat emas disumbangkan melalui projek bertajuk; Sistem Pengeringan Sejuk (SPS) untuk Penghasilan Pelbagai Teh Herba Tradisional oleh Prof. Madya Dr. Mohd

Azlan Nafiah; Zahra Collagen: Halal Hydrolysed Fish Collagen for Food Supplements (Prof. Madya Dr. Ismail Zainol); Rainwater Harvesting System (Prof. Dr. Suhaily Yusri Che Ngah); Fight Obesity 2.0 (Dr. Maizatul Hayati); WARIS - Wireless Automated Irrigation System (Dr. Che Zalina Zulkifli); Basic Sign Communication (SOBIBASIC) (Dr. Noor Aini Ahmad); Thought Pattern Modification (TPM) Modules Based on Cognitive - Behavioral Therapy (CBT) in the Development of Student's Positive Thinking (Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip; Offline Public Access Catalogue (OFFPAC) oleh En. Khairul Asyrani Sulaiman (PTB).

Pingat perak disumbangkan melalui projek bertajuk INNOVATIVE Higher Order Thinking Skills Mathematics Module (HOTS-MM) oleh Prof. Dato' Dr. Noraini Idris; A New Copper (II) Sensor By Chemical Modified Electrode (Prof. Madya Dr. Ilyas Md. Isa; IQ-Stick Game (En. Mohd Izwan Shahril, FSSKj); Cap Color Interactive (CCI) (Dr. Norkhalid Salimin); UPSI Integrated Management System (UIMS); MyFIS (Pn. Khadijah Hamdan) dan Bam-Srfid: Scalable Rfid Reader: Pilot Test In Boarding School Monitoring System oleh Dr. Norhisham Mohamad Nordin (FSKIK).

Manakala projek bertajuk Eco Green Glaze: New Surface Design For Decoration For Ceramic Product oleh Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said; Nanomaterials Manufactured from Recyclable Waste Materials (Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar); My Books UPSI (Prof. Madya Dr. Nasir Nayan) dan Pustaka VRS – Vendor Rating System oleh Pn. Rusliza Yaacob (PTB) memenangi pingat gangsa.



Oleh: Nur Najwa Hamidah Muhamad (FPPM) /
Sajaratul Nor Kasim

Anugerah Juara Lagu ke-29 (AJL 29) yang berlangsung di Stadium Putra Bukit Jalil pada 18 Januari 2015 yang lalu, tidak ramai warga UPSI yang tahu salah seorang pemuziknya ialah pensyarah di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan.

Wanita berjiwa seni yang juga pensyarah di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sejak tahun 2012 berkata, sebelum bergelar warga UPSI, beliau pernah menjadi 'Concertmaster' bagi Orkestra Simfoni Kebangsaan di Istana Budaya selama 15 tahun (1997-2012) dan Orkestra Simfoni Remaja selama tujuh tahun selain terlibat dengan pelbagai lagi persembahan yang berlangsung di Istana Budaya.

Menyingkap kisah penglibatan beliau dalam pertandingan berprestij ini, beliau kerap diundang oleh pihak penganjur untuk menjadi 'Concertmaster' bagi AJL semenjak 17 tahun lalu. Dalam AJL 29, kumpulan orkestra di bawah pimpinan Dato' Ramli MS telah mengiringi hampir kesemua lagu yang dipersembahkan.

"Sebagai "Concertmaster" saya mengiringi semua lagu yang dipertandingkan pada malam itu," ujarnya yang sangat meminati lagu Di Pintu Syurga nyanyian Dayang Nurfaizah.

Tambah beliau, kerja-kerja untuk

program televisyen seperti AJL memerlukan kesungguhan.

"Ia bermula sebelum waktu latihan termasuk spektrum yang luas berkaitan pasukan produksi dan kumpulan pemuzik, darisegi susunan skor sehingga kepada pemilihan pemuzik yang mempunyai kemahiran prestasi tertinggi.

"Dalam masa hanya

beberapa hari, semua artis dan kumpulan pemuzik perlu bersedia. Tugas saya sebagai "Concertmaster" adalah untuk membantu konduktor dalam memimpin orkestra sebagai satu kumpulan, menggunakan kepakaran saya untuk melatih pemuzik dan membantu untuk meningkatkan persembahan mereka.

"Saya juga bertanggungjawab bermain di peringkat teknikal dan muzikal yang paling tinggi dan menjadi wakil orkestra untuk menyuarakan permintaan atau masalah yang dihadapi oleh pemuzik kepada pihak pengurusan," jelas beliau.

"Latihan utama bermula 2-3 hari sebelum persembahan, amat mengembirakan apabila mendengar nyanyian artis yang hebat dan berkomunikasi dengan mereka semasa waktu rehat. Di situlah kami berpeluang bertemu artis baharu dan beramah mesra dengan bintang.

"Saya suka melihat penonton bersemangat di dewan persembahan walaupun pada hari raptai biasa dan hari konsert itu sendiri. Saya sukakan perasaan gembira yang dibawakan oleh muzik dalam kehidupan manusia," katanya.

Berkongsi pengalaman dan pencapaian beliau dalam industri muzik, Mayya pernah mengadakan

persembahan dalam pelbagai majlis dan program realiti seperti Anugerah Industri Muzik (AIM), Kilauan Emas dan Astro Star Quest.

"Semasa berkhidmat di Istana Budaya saya diberi penghormatan untuk mengiringi persembahan ramai artis luar dan dalam negara seperti Richard Clayderman, Russel Watson dan Il Divo serta pernah menjadi pemain violin bagi rakaman album dan lagu untuk artis terkenal Malaysia seperti Dato' Siti Nurhaliza, Adibah Noor dan ramai lagi," katanya.

Di akhir temu bual, beliau turut berpesan kepada golongan yang ingin menceburi bidang muzik agar tidak berputus asa, sentiasa belajar dan menjadikan setiap sesi latihan sebagai suatu sesi yang menyeronokkan.

Sambil memetik kata-kata Victor Hugo, "Music expresses that which cannot be said and on which it is impossible to be silent". Beliau menyatakan muzik juga merupakan seni dalam perhubungan antara jiwa. Jika kita seronok dengan apa yang kita lakukan, penonton juga seronok dengan muzik kita.

Muzik Jiwa Mayya Musaeva



UPSI Sumbang Rumah kepada Mangsa Banjir

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya menyiapkan 28 unit rumah transit dalam masa kira-kira sebulan yang disumbangkan kepada mangsa banjir di sekitar Kuala Krai, Kelantan.

Projek murni atas rasa kemanusiaan itu direalisasikan atas sumbangan kakitangan UPSI dan individu yang bermurah hati terhadap penduduk yang mengalami masalah banjir teruk penghujung tahun lalu.

Projek pembinaan rumah yang digerakkan ResQ Team UPSI yang diketuai Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Prof

Dr Mohamad Suhaily Yusry Che Ngah itu dijalankan lebih sebulan lalu dengan tenaga kerja sepenuh kakitangan UPSI serta penduduk setempat.

Baru-baru ini, majlis penyerahan rumah berkenaan diadakan di Kampung Laloh, Kuala Krai yang disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bersama Banjir Negeri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mustapa memuji kesungguhan sukarelawan UPSI yang disokong pengurusan tertinggi universiti demi membantu penduduk sejak seawal banjir melanda Kuala Krai lagi.

"Harapan saya orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan terus memberi sumbangan kepada ResQ Team UPSI supaya usaha pembinaan rumah kekal seterusnya dapat dilaksanakan," katanya.

Mohamad Suhaily berkata hampir sebulan mereka bertungkus lumus menyiapkan rumah transit berkenaan di lokasi Sungai Rek, Laloh, Lelan Meranti, Manjor, Manjor Lama dan Lajor.

Hasil sumbangan luar yang terbesar, katanya, diterima daripada gerakan sukarelawan The Third Force pimpinan Raja Shamri Raja Hussain yang bersama-sama menjayakan misi kemanusiaan itu.

"Mangsa yang dipilih berdasarkan kategori paling daif mengikut terma ResQ untuk berpindah dari khemah, bangsal buruk mahupun reban ayam ke rumah yang kita sediakan.

Beliau berkata Rumah Transit yang dibina ResQ Team UPSI dibekalkan dengan tikar getah, rak dan kipas angin hasil sumbangan rakan kerjasama ResQ dari luar.

Yang hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Tan Sri Datuk Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Ahli LPU, Datuk Ahmad Borak; Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Zakaria Kasa serta Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), ACP(K) Prof Madya Datuk Dr Junaidi Abu Bakar.

"Program pemulihan ekonomi mangsa juga kita mulakan seperti memberi bantuan mesin jahit serta bantuan pisau getah agar mereka dpt keluar mencari rezeki secepatnya bagi bersedia dari segi kewangan menjelang Ramadan.

Selain itu, katanya, program pendidikan anak mangsa secara jangka pendek dan jangka panjang juga dilaksanakan yang diketuai Prof Emeritus Datuk Dr Aminah Ayob dengan membawa anak-anak penduduk ke UPSI untuk diberi bimbingan dan tuisyen.

Bagaimanapun, katanya, sumbangan berterusan dialu-alukan untuk terus membantu dari masa ke semasa berdasarkan keperluan semasa sehingga dapat mengubah keadaan dan mereka dapat menjalani kehidupan seperti biasa.



Mustapa (tengah) bersama pengurusan tertinggi UPSI, ResQ Team dan penduduk yang menerima sumbangan rumah.



Anggota ResQ Team UPSI, Drs. Izani Mat Ill menunjukkan pondok wakaf yang siap dibina untuk kemudahan pelajar sekolah.

EXPOSE

Terima Anugerah Emas

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Kumpulan EXPOSE daripada Bahagian Komunikasi Korporat UPSI merangkul Anugerah Emas dalam Mini Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara yang berlangsung pada 1 April 2015 di Dewan Produktiviti Perbadanan Produktiviti Malaysia, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Menurut, En. Fisol Ahmad selaku ketua kumpulan, bebanan tugas jurufotografi, karenah birokrasi, CD atau DVD yang digunakan tidak berkualiti, selain kapasiti CD, DVD dan e-mel yang terhad, serta masalah kerosakan alatan seperti komputer dan external hard disk mencetuskan idea untuk kumpulannya membangunkan sistem galeri gambar online yang dinamakan "Pix-App". Inovasi ini menjadi UPSI satu-satunya universiti awam yang mempunyai galeri gambar online yang mempunyai fungsi muat naik dan turun gambar resolusi tinggi serta membolehkan pengguna berkongsi gambar di media sosial.

Tambah beliau, dengan aplikasi tersebut, tempoh serahan gambar dapat dikurangkan dari tujuh hari

kepada sehari, proses kerja dapat dikurangkan daripada enam proses kepada tiga proses kerja, objektif kualiti jabatan dapat dicapai, dan sumber manusia dapat dikurangkan daripada empat orang kepada seorang pekerja, serta kos operasi dapat diijimatkan sebanyak RM1,066.50 manakala kos pembangunan dapat diijimatkan sebanyak RM138,450.00 sekiranya menggunakan khidmat syarikat luar.

Selain itu, kumpulan yang dianggotai oleh Ikmal Redzuan Mohd. Isa (fasilitator), Shahidah Abu Hassan, Nursya'ira Nor Ahmad, Siti Nadiah Halimah Md. Shah dan Mohd Fadli Sulaiman turut menerima Anugerah Emas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Universiti Awam Kali Ke-11 diadakan pada 14-16 April 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kumpulan ini juga pernah dinobatkan Johan, dan Johan Keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat UPSI 2014 Kali Ke-9 Peringkat UPSI yang diadakan pada 9 Disember 2014 di Auditorium.



Sesi Persekolahan Sekolah Makmal Bermula

Tanjong Malim - Selepas setahun kajian dibuat, akhirnya matlamat menubuhkan Sekolah Makmal Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Sekolah Kebangsaan Bandar Behrang 2020 (SKBB2020) menjadi kenyataan.

Hari pertama persekolahan tahun 2015 menyaksikan lebih 80 murid Tahun Satu sekolah berkenaan memulakan sesi pembelajaran dengan menggunakan modul yang dibangunkan oleh penyelidik UPSI mengikut kepakaran bidang masing-masing.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris yang turut bersama pengurusan sekolah dan ibu bapa pada hari pertama persekolahan Isnin lalu berkata, setakat ini modul yang dibangunkan tenaga pakar dalam bidang pendidikan diguna pakai ke atas murid Tahun Satu.

Modul yang bertujuan mencapai tahap Linus Sifar itu katanya, dapat membantu murid meningkatkan kemahiran membaca dan menulis. Modul berkenaan, akan diluaskan penggunaannya sehingga kepada murid tahun enam pada masa akan datang iaitu membabitkan seramai 379 orang.

Modul turut dibangunkan tokoh dalam dunia pendidikan Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron melihat murid menjalankan diagnostik tahap kebolehan tulisan jawi.

"Saya berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pendidikan Malaysia yang meluluskan cadangan menjadikan SKBB2020 sebagai Sekolah Makmal UPSI pada tahun lalu," katanya.

Melalui sekolah ini, penyelidikan dalam pendidikan bagi memantapkan sistem pendidikan akan dilakukan,

malah pihak pengurusan sekolah menyambut baik usaha UPSI itu.

"Saya berharap Sekolah Makmal UPSI ini akan menjadi contoh kepada sekolah-sekolah yang lain dan semua aktiviti yang diterapkan kepada murid adalah berlandaskan penyelidikan serta amalan terbaiki pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh 33 guru," katanya.

Penyelidik UPSI turut mengadakan pameran produk hasil penyelidikan mengikut fakulti iaitu Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Fakulti Sains dan Matematik, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif.

Sementara itu Pengarah Sekolah Makmal UPSI, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, lebih setahun kajian dilakukan dan kelulusan KPM penting untuk UPSI menjayakan usaha itu demi dunia pendidikan negara ini.

Pada perhimpunan hari pertama persekolahan itu, Guru Besar SKBB2020, Noraishah Yunan menganggap pemilihan sekolah berkenaan sebagai tepat sekali gus dapat membantu melahirkan pelajar yang cemerlang serta mempelbagaikan kemahiran insaniah.

"Kami akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pasukan penyelidik UPSI untuk menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran di sekolah ini demi kebaikan murid dan sekolah," katanya.



Prof. Dato' Dr. Noraini dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron melihat murid Tahun Satu menjalankan diagnostik tulisan jawi.



Prof. Dato' Dr. Noraini (dua dari kanan) bersama Prof. Dato' Dr. Hassan dan Pn. Noraishah (kiri) bermesra dengan murid Tahun Satu SKBB2020.

Alumni Sampaikan Infak Ramadan

Tanjong Malim-Seramai 200 anak yatim dari lima sekolah sekitar Tanjong Malim menerima sumbangan dari Persatuan Alumni Suluh Budiman (PASB) sempena majlis Berbuka Pusa Alumni dan Penyampaian Infak Ramadan yang diadakan di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 4 Julai 2015.

Majlis anjuran PASB dengan kerjasama Pusat Perhubungan Alumni (PPA), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPSI itu sebahagian daripada aktiviti amal untuk anak-anak yatim sebelum menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Hadir sama menyampaikan sumbangan ialah Pengerusi PLKN yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid; Presiden PASB, Datuk Ahmad Burak serta Pengarah PPA, Prof Madya Dr Abdul Halim Ali.

Anak-anak yatim berkenaan dari Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim, Sekolah Kebangsaan Behrang 2020, Sekolah Kebangsaan Ulu Bernam, Sekolah Menengah

Behrang 2020 dan Sekolah Menengah Khir Johari. Hadir sama ahli Lembaga Pengarah Universiti, Prof Dr Othman Lebar serta Pegawai Pendidikan Daerah Batang Padang, Encik Mohd Puzi Badri.



Dari kiri : Encik Mohd Puzi, Prof Othman, Datuk Ahmad, Datuk Noor Ehsanuddin dan Dr Abdul Halim menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dari sekolah sekitar Tanjong Malim.

Ir. Damanhuri Bersara Selepas Berkhidmat 16 tahun

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Suasana sebak ketika Sesi Clock Out Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda (JPPHB) Tuan Haji Ir. Damanhuri Othman bersama warga UPSI tepat jam 5.00 petang, 31 Mac 2015 di Mesin Pengimbas Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori.

Tuan Haji Damanhuri anak jati Lambor Kanan, Perak

berkhidmat di UPSI pada 1 Disember 1998 dengan memulakan perkhidmatan sebagai Ketua Bahagian Pengelenggaraan.

Sepanjang 16 tahun perkhidmatan di UPSI, beliau memegang jawatan sebagai Jurutera di JPPHB dan pada tahun 2003 dilantik sebagai Pengarah sehinggalah menamatkan perkhidmatan pada 31 Mac 2015.

Beliau memberi pelbagai sumbangan kepada UPSI dan masyarakat sekitar antaranya Ketua Kontinjen UPSI ke Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2013, Ahli Jawatankuasa, Masjid Al-Mursyidin Kampus Sultan Azlan Shah (2005-2013) dan Juru Audit, Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim, (2008-2009).

Antara penghargaan dan pingat yang pernah diterima ialah Ahli Mahkota Perak (AMP) DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan (2004,) Anugerah Khimat Cemerlang (1998, 2002), Pingat Mahkota Perlis (PMP), DYMM Raja Perlis (1998).



IPS Aktif Anjur Bengkel



Unit Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Institut Pengajian Siswazah UPSI menganjurkan Bengkel "AMOS" pada 24 dan 25 Mac 2015 bertempat di Bilik Seminar, Aras 1, Bangunan Bitarasiswa, KSAJS UPSI.

Penolong Pendaftar IPS, Mohd Zaiham Izwan Zainuddin berkata bengkel dua hari yang dihadiri 43 pelajar siswazah itu dikendalikan oleh Prof. Dr. Mohamad Sahari Nordin dari Universiti Islam Antarabangsa. Pelajar Siswazah diberikan panduan dan pendedahan berkaitan AMOS. Perisian berkenaan boleh menguji hubungan antara pemboleh ubah secara serentak yang tidak dapat dilakukan oleh mana-mana analisis statistik lain.

Selain itu, IPS juga menganjurkan Bengkel "How To Write A Good Proposal, Thesis & Successfully Defend It" pada 30 dan 31 Mac 2015 di Bilik Serbaguna 2, Aras 4, Perpustakaan Tuanku Bainun yang disertai seramai 53 pelajar siswazah UPSI. Bengkel yang dikendalikan oleh Prof. Dr. Ramlee Mustapha dari Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV) itu mendedahkan peserta tentang tatacara dan panduan dalam penulisan proposal pengajian serta diberikan tips dan teknik untuk mempertahankan kajian yang dilaksanakan.

Semasa bengkel turut diadakan sesi soal jawab, interaksi dan perkongsian yang dilaksanakan secara berkesan. Pelajar diberi ruang dan peluang untuk membentangkan proposal kajian yang akan dilaksanakan.

Karnival Kokurikulum 2015

Tonjol Kreativiti Pelajar

UPSI-Karnival Kokurikulum 2015 anjuran Pusat Kokurikulum yang berlangsung pada 9 Mei 2015 di Padang UPSI menyaksikan pelajar menjayakan pelbagai persembahan dan pameran yang mempersonakan pengunjung.

Karnival yang diadakan setiap semester, kali ini dirasmikan Naib Canselor, Prof Dato' Dr Zakaria Kasa yang melepaskan dua ekor merpati sebagai gimik pelancaran.

Pengarah Pusat Kokurikulum, Dr Azali Rahmat berkata karnival itu membabitkan pelajar mengikuti kursus kokurikulum berkredit yang melaksanakan pelbagai aktiviti mengikut kreativiti masing-masing. Karnival yang bertujuan memberi peluang pelajar kokurikulum berkredit itu mempamerkan hasil pembelajaran daripada kursus yang mereka ikuti sepanjang semester.

Karnival yang disertai seramai 7, 168 pelajar yang mengambil kursus kokurikulum pada semester dua sesi 2014/2015 itu membabitkan pelajar semester satu sehingga semester enam dari tiga kategori kursus iaitu badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan permainan.

Terdapat 26 kursus yang ditawarkan dalam bidang badan beruniform, manakala 23 kursus dalam bidang kelab dan persatuan, selebihnya sebanyak 21 kursus yang ditawarkan dalam bidang sukan dan permainan.

Sementara itu Naib Canselor UPSI, Prof Dato' Dr. Zakaria Kasa mengucapkan tahniah terhadap kesungguhan pelajar menjayakan karnival ini bagi kali ketiganya yang dipertanggungjawabkan di bawah Pusat Kokurikulum.

UPSI, katanya, mementingkan kemahiran insaniah dan kaedah kokurikulum yang sangat berkesan bagi melahirkan generasi tenaga pengajar yang berkualiti seiring dengan proses pendidikan kini.

Beliau berkata UPSI menekankan wadah falsafah yang ingin dibangunkan dalam diri pelajar iaitu membentuk individu yang mempunyai disiplin sendiri yang sangat tinggi, kecintaan terhadap negara dan menghargai

alam semulajadi yang semakin tidak dihiraukan.

"Ini kerana kita ingin melahirkan mahasiswa yang mempunyai ketrampilan diri yang perkasa bagi memudahkan mereka mudah untuk menyesuaikan segala kemahiran dan mempraktikkan perkerjaan yang akan dilaksanakan.


Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Datuk Dr Hunaidi Abu Bakar; Pendaftar, Mohd Faizi Othman serta tenaga-tenaga pengajar kokurikulum.



TERBITAN BAHARU


Judul: Qarinah sebagai Instrumen Pensabitan Kesalahan Hudud
ISBN: 978-967-480-77-0
Penulis: Mohd Noor Daud
Tahun: 2015 Bidang: Agama Harga: RM54.00

Pemakaian qarinah dalam kesalahan hudud merupakan perkara yang tidak disepakati oleh para ulama. Perbincangan tajuk-tajuk seperti definisi Qarinah, pembahagian Qarinah, penghujahan Qarinah dan kedudukan qarinah dalam kesalahan hudud diperincikan mengikut kesalahan-kesalahan hudud itu sendiri iaitu kesalahan zina, meminum arak, mencuri, pemberontakan, merompak dan murtad. Keistimewaan Qarinah sebagai Instrumen Pensabitan Kesalahan Hudud ini ialah, ia tidak memfokuskan kepada mazhab Syafie tetapi membincangkan pelbagai pandangan ulama dan dalam bentuk perbandingan. Metode perbandingan penting kerana ia mampu memberikan pendedahan dan kefahaman yang lebih luas dan mendalam terhadap sesuatu isu dan masyarakat pembaca akan lebih bersikap terbuka dalam berhadapan isui-isu khilafiah. Selain itu, buku ini juga turut memuatkan dalil-dalil yang telah digunakan oleh para ulama dalam mengutarakan pandangan masing-masing sebagai sandaran yang telah digunakan oleh para ulama tersebut. Penulisan padat dan terperinci ini mampu memberikan gambaran mengenai pandangan-pandangan ulama dalam pelbagai mazhab secara menyeluruh tentang kedudukan Qarinah dalam kesalahan Hudud.




Judul: Ulama & Politik Kedah (1842–1960)
ISBN: 978-967-480-72-5
Penulis: Bariyah bt. Hj. Basiran & Haji Ishak Saat
Tahun: 2015 Bidang: Agama Harga: RM28.00

Buku *Ulama dan Politik Kedah 1842–1960* dihasilkan untuk mengetengahkan peranan dan sumbangan ulama dalam sama-sama membantu pemerintah untuk mentadbir sebuah negara khususnya Kesultanan Melayu Kedah. Malah buku ini turut memaparkan peranan ulama dalam masyarakat khususnya dalam bidang pendidikan dalam usaha membentuk masyarakat yang rabbani. Dengan menggunakan saluran institusi pendidikan pondok dan madrasah, mereka yang tidak kenal erti putus asa berusaha membentuk masyarakat Melayu agar berada dalam suasana kehidupan islam yang syumul. Dalam menjayakan matlamat tarbiah ini para ulama turut menggunakan media cetak untuk menyampaikan dakwah mereka. Sudah tentu dalam perjuangan ini mereka turut berhadapan dengan pelbagai tribulasi sama ada daripada pemerintah sendiri mahupun halangan daripada penjajah British yang waktu itu sedang menguasai tanah Melayu. Namun sebagai cabaran mereka hadapi jua dengan penuh kesabaran.



Judul: Malaysian Public Higher Education Institution: Efficiency & Productivity Changes
ISBN: 978-967-0480-79-4
Penulis: Mad Ithnin Salleh
Tahun: 2015 Bidang: Ekonomi Harga: RM26.00

The efficiency and productivity of the higher education sector play crucial roles in the development and growth of a nation, both as a major source of human capital and as a main driver of the knowledge economy. During the last decade, the Malaysian government has placed greater emphasis on productivity improvement in the public higher education sector as means of promoting the development of quality human capital. This sector has undergone some fundamental changes, which have led to its rapid expansion. This book employed Data Envelopment Analysis (HMI) which are non-parametric approaches to analysis the efficiency and productivity changes of Malaysia public higher education institution from the year 2006 to 2009. The imperial result shows Universiti Sains Malaysia (a research based university), Universiti Pendidikan Sultan Idris and Universiti Malaysia Pahang (both are focus universities) have consistently exhibit high efficiency level relative to other higher education institution in Malaysia. Interestingly, the empirical findings seems to suggest that the Malaysia public higher education institution's efficiency levels significantly improved after the implementation of National Higher Education Strategic Plan (NHESP) in 2007-2008.



Pecipta '15



Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2015

4 - 6

DISEMBER 2015

Dewan Konvensyen 4 & 5, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

pecipta.upsi.edu.my